



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA



**INSTITUT AMINUDDIN BAKI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

TAJUK KAJIAN

**Kompetensi Pensyarah Bahasa
Institut Aminuddin Baki Dalam
Penyampaian Kursus Bahasa**

oleh

**Jabatan Bahasa dan Komunikasi Pendidikan
Pusat Kepimpinan, Komunikasi
dan
Pengurusan Pejabat**

2016

1.0 PENDAHULUAN

Matlamat mewujudkan masyarakat yang menguasai bahasa Malaysia (BM) dan bahasa Inggeris (BI) adalah antara fokus penting dalam sistem pendidikan negara kita (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). BM merupakan bahasa kebangsaan yang menjadi alat perpaduan, bahasa perhubungan utama dan bahasa ilmu ke arah mencapai aspirasi 1Malaysia. BI merupakan bahasa komunikasi antarabangsa yang perlu dikuasai bagi membolehkan penerokaan pelbagai ilmu untuk bersaing di peringkat nasional dan global. Matlamat dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) tersebut selaras dengan hasrat kerajaan dalam menyediakan asas pembentukan negara bangsa dan pertumbuhan ekonomi mampan dengan matlamat mentransformasikan Malaysia ke arah negara berpendapatan tinggi.

Bagi memenuhi aspirasi MBMMBI, pemimpin pendidikan memainkan peranan penting dalam meningkatkan keberkesanan sistem pendidikan negara. Oleh sebab itu, pemimpin pendidikan perlu mendapat latihan yang berkualiti agar dapat menjadi pemimpin yang berwibawa (Nakpodia, 2011). Institut Aminuddin Baki (IAB) sebagai *Premier Centre* pendidikan yang bertanggungjawab membangunkan keupayaan pemimpin pendidikan di semua peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) perlu memberi latihan yang berkualiti kepada pemimpin sekolah bagi meningkatkan tahap profesionalisme pemimpin pendidikan dari segi pengetahuan, kemahiran dan sikap dari semasa ke semasa.

Sebagai sebuah jabatan yang bertanggungjawab melatih pemimpin pendidikan dalam bidang bahasa, Jabatan Bahasa dan Komunikasi (JBK) perlu mengenal pasti serta mengendalikan program yang relevan untuk meningkatkan tahap kompetensi dan profesionalisme pemimpin pendidikan dalam bidang pengurusan bahasa khususnya BM dan BI. Usaha tersebut dapat membantu pemimpin pendidikan dalam melaksanakan dasar-dasar bahasa KPM di peringkat sekolah dengan sistematik dan berkesan.

Bagi membekalkan latihan bahasa yang berkualiti kepada pemimpin sekolah, pensyarah bahasa IAB haruslah mempunyai kelayakan yang berwibawa dan berkompentensi tinggi. Oleh sebab itu, membangunkan kapasiti pensyarah bahasa

IAB sama ada pensyarah BM atau BI merupakan perkara penting yang perlu diberikan perhatian penuh dan diterjemahkan dalam bentuk operasional oleh pihak IAB. Hanya dengan pensyarah bahasa yang berkualiti, IAB dapat meningkatkan keberkesanan setiap latihan bahasa yang diadakan dan seterusnya membangunkan keupayaan pemimpin pendidikan dalam bidang pengurusan bahasa secara keseluruhannya.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

IAB merupakan institusi pendidikan yang bertanggungjawab membangunkan kapasiti pemimpin pendidikan bagi menjamin kecemerlangan berterusan dalam sesi latihan yang dilaksanakan. Untuk tujuan tersebut, penilaian dijalankan untuk setiap sesi latihan dengan menggunakan borang BK09. Instrumen tersebut merupakan instrumen generik yang digunakan oleh semua jabatan IAB bagi menilai prestasi pensyarah dalam penyampaian sesi latihan. Walau bagaimanapun, instrumen itu tidak berfokus untuk menilai kompetensi pensyarah dalam bidang bahasa secara khususnya. Dengan kata lain, penggunaan BK09 tidak dapat membekalkan maklumat yang relevan dalam penilaian kompetensi seseorang pensyarah bahasa. Misalnya, tahap kemahiran kebahasaan dalam penggunaan bahasa standard, penggunaan laras bahasa yang sesuai dan kesantunan bahasa yang merupakan kemahiran penting bagi seorang pensyarah bahasa yang berwibawa tidak menjadi fokus penilaian instrumen tersebut.

JBK yang bertanggungjawab melatih pemimpin pendidikan dalam bidang bahasa, khususnya BM dan BI yang selaras dengan pelaksanaan Dasar MBMMBI, berhasrat untuk memantapkan lagi kompetensi pensyarah bahasa. Mengambil kira hasrat tersebut dan borang BK09 pula tidak dapat memberikan maklumat yang bersesuaian, satu kajian yang menggunakan instrumen berfokuskan kemahiran kebahasaan perlu dijalankan. Kajian seperti ini amat penting kerana sejak penubuhannya, JBK tidak pernah menjalankan apa-apa kajian yang dapat mengenal pasti kemampuan pensyarah bahasa dalam mengendalikan latihan bahasa yang selaras dengan kehendak dasar MBMMBI.

JBK berhasrat untuk memantapkan kompetensi pensyarah bahasa sekiranya mempunyai maklumat yang jitu tentang keperluan pensyarah bahasa. Disebabkan selama ini JBK tidak pernah menjalankan sebarang kajian tentang kompetensi

pensyarah bahasa, memang tiada maklumat tentang keperluan latihan yang boleh dijadikan sebagai asas rujukan kepada JBK secara khususnya, dan IAB secara amnya. Hanya berdasarkan maklumat atau dapatan kajian yang cukup, JBK dan IAB dapat mengenal pasti program pembangunan profesional yang bersesuaian dalam memantapkan kompetensi pensyarah bahasa IAB secara berkesan.

Selain itu, JBK juga tidak mempunyai data tentang sama ada kursus-kursus BM dan BI yang dikendalikan selama ini benar-benar dapat menambahkan pengetahuan dan meningkatkan kemahiran peserta kursus. Mengikut Nakpodia (2011), penilaian akan memberi maklumat yang penting tentang hasil latihan. Oleh itu, **wujud keperluan dalam kajian ini untuk menganalisis keberkesanan kursus dan aspek-aspek sesi latihan yang dikendalikan oleh pensyarah BM dan BI IAB dengan menggunakan Model Kompetensi Pensyarah Bahasa IAB.** Dengan itu, tindakan susulan boleh diambil oleh JBK supaya alternatif yang sesuai dapat dipilih untuk penambahbaikan yang seterusnya. Tindakan seperti ini amat bermakna kerana ini bukan sahaja dapat meningkatkan keberkesanan kursus malah dapat memberi manfaat kepada peserta kursus secara keseluruhannya.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan menilai tahap kompetensi pensyarah bahasa dalam penyampaian sesi latihan BM dan BI berdasarkan enam dimensi Model Kompetensi Pensyarah Bahasa IAB. Secara spesifik, kajian ini bertujuan untuk:

1. menentukan tahap pencapaian pensyarah BM dalam enam dimensi Model Kompetensi Pensyarah Bahasa IAB.
2. menentukan tahap pencapaian pensyarah BI dalam enam dimensi Model Kompetensi Pensyarah Bahasa IAB.
3. menentukan perbezaan atau persamaan tahap pencapaian kompetensi antara pensyarah BM dan BI dalam enam dimensi Model Kompetensi Pensyarah Bahasa IAB.

4. menentukan keberkesanan kursus BM dan BI dalam meningkatkan tahap pengetahuan dan meningkatkan kemahiran peserta kursus dengan menggunakan Model Kompetensi Pensyarah Bahasa IAB.

4.0 SOALAN KAJIAN

Soalan kajian ini adalah seperti berikut:

1. Apakah tahap pencapaian pensyarah Bahasa Malaysia dalam enam dimensi Model Kompetensi Pensyarah Bahasa IAB?
2. Apakah tahap pencapaian pensyarah Bahasa Inggeris dalam enam dimensi Model Kompetensi Pensyarah Bahasa IAB?
3. Apakah perbezaan atau persamaan antara tahap pencapaian kompetensi pensyarah Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris dalam enam dimensi Model Kompetensi Pensyarah Bahasa IAB?
4. Dengan mengaplikasikan kompetensi yang disarankan dalam Model Kompetensi Pensyarah Bahasa IAB, sejauh manakah sesi latihan kursus bahasa yang dikendalikan oleh pensyarah bahasa IAB dapat menambahkan pengetahuan dan meningkatkan kemahiran peserta kursus?

5.0 KERANGKA KAJIAN


Kajian ini dijalankan berdasarkan Teori Kompetensi yang diperkenalkan oleh Boak dan Coolican (2001) dan Cairns (2000). Kompetensi merupakan pengetahuan, kemahiran, kemampuan dan sifat yang perlu dimiliki oleh seseorang demi menjalankan tugas dan peranannya secara berkesan (Boak dan Coolican, 2001; Cairns, 2000). Mengikut Teori Kompetensi (Boak dan Coolican, 2001; Cairns, 2000), dengan memperoleh pengetahuan, kemahiran dan kemampuan yang baharu, individu boleh menjadi lebih kompeten dan berkesan. Yang paling penting, kompetensi seseorang boleh dipertingkatkan melalui latihan yang berkualiti dan terancang.

Kajian ini mempunyai tiga variabel utama iaitu (1) Kompetensi Pensyarah Bahasa IAB; (2) Pengetahuan Peserta Kursus; dan (3) Kemahiran Peserta Kursus

seperti yang dipaparkan dalam Rajah 1. Variabel Kompetensi Pensyarah Bahasa mempunyai enam dimensi iaitu (1) *Kepelbagaian Kaedah*; (2) *Kemahiran Berbahasa*; (3) *Pengurusan Peralatan dan Ruang*; (4) *Peningkatan Potensi Peserta*; (5) *Kreatif dan Inovatif* dan (6) *Penilaian Berkualiti*.

Soalan kajian pertama dan kedua menilai tahap kompetensi pensyarah dalam enam dimensi variabel Kompetensi Pensyarah Bahasa IAB secara terperinci. Soalan kajian ketiga membandingkan perbezaan dan persamaan tahap pencapaian kompetensi pensyarah BM dan BI dalam enam dimensi Kompetensi Pensyarah Bahasa IAB. Soalan keempat melihat sama ada variabel Kompetensi Pensyarah Bahasa IAB memberi impak kepada variabel kedua (Pengetahuan Peserta Kursus) dan variabel ketiga (Kemahiran Peserta Kursus) (Rajah 1) iaitu adakah dengan mengaplikasikan kompetensi yang disarankan dalam variabel pertama; pengetahuan dan kemahiran peserta dapat dipertingkatkan.

Rajah 1. Kerangka Konsep Kajian



Nota. SK=Soalan kajian

6.0 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini dapat membekalkan maklumat lengkap tentang tahap kompetensi pensyarah BM dan BI dalam penyampaian sesi latihan iaitu dalam aspek (1) *Kepelbagaian Kaedah*; (2) *Kemahiran Berbahasa*; (3) *Pengurusan Peralatan dan Ruang*; (4) *Peningkatan Potensi Peserta*; (5) *Kreatif dan Inovatif*; dan (6) *Penilaian Berkualiti*. Berdasarkan dapatan tersebut, perbezaan atau persamaan antara pensyarah bahasa BM dan BI dalam tahap pencapaian kompetensi tersebut juga dapat digariskan. Maklumat tersebut amat diperlukan untuk pensyarah bahasa dan JBK agar dapat memberikan keutamaan kepada pengukuhan kompetensi yang cemerlang dan keperluan menambahbaikkan kompetensi yang kurang dikuasai.

Memantapkan kompetensi pensyarah bahasa merupakan tanggungjawab penting JBK. Peningkatan kompetensi pensyarah dapat disempurnakan melalui kepelbagaian program pembangunan profesional. Perancangan program dan aktiviti pembangunan profesional untuk pensyarah perlu dilaksanakan dengan merujuk kepada tahap penguasaan kompetensinya. Latihan yang diberikan mestilah bersifat khusus untuk menangani kelemahan yang dikesan. Kajian ini yang bertujuan menilai kekuatan dan kelemahan pensyarah bahasa dalam penyampaian sesi latihan bahasa dapat membantu JBK mengumpulkan maklumat untuk mengenal pasti program pembangunan profesional yang bersesuaian bagi meningkatkan kompetensi pensyarah bahasa BM dan BI secara berkesan.

Mengenal pasti aspek-aspek dan kursus-kursus BM dan BI yang kurang berkesan atau kurang dapat menambahkan pengetahuan dan meningkatkan kemahiran peserta kursus merupakan satu lagi tujuan penting kajian ini. Mengumpulkan maklumat seperti ini merupakan satu usaha penting yang perlu dilaksanakan oleh JBK supaya dapat memperoleh data rujukan untuk membuat semakan semula kandungan kursus demi tujuan penambahbaikan secara berterusan. Usaha ini dapat memastikan kualiti kursus yang dikendalikan oleh JBK sentiasa relevan dengan keperluan semasa peserta dan kehendak dinamik arena pendidikan yang sentiasa berkembang maju.

Menjamin kecemerlangan berterusan dalam sesi latihan merupakan tanggungjawab penting bagi setiap jabatan IAB yang mengendalikan kursus-kursus untuk pemimpin pendidikan. Sehubungan itu, kajian ini boleh dijadikan sebagai

contoh kepada jabatan-jabatan lain di IAB. Dengan menggunakan instrumen yang relevan, kajian seperti ini dapat memberikan makluman yang kukuh untuk peningkatan kompetensi pensyarah dan penambahbaikan kursus jabatan masing-masing. Usaha seperti ini memberi implikasi penting bukan sahaja dalam menentukan kualiti sesi latihan bahkan kualiti pemimpin pendidikan yang mempunyai hubungan rapat dengan keberkesanan sistem pendidikan negara kita.

7.0 TINJAUAN LITERATUR

7.1 Definisi Kompetensi

Kompetensi merujuk kepada pengetahuan, kemahiran, kemampuan dan sifat yang perlu dimiliki oleh seseorang demi menjalankan tugas dan peranannya secara berkesan dan cemerlang (Boak dan Coolican, 2001; Cairns, 2000; Siti Rahayah Ariffin, 2006). Pengetahuan adalah ilmu yang diperlukan oleh seseorang bagi memahami sesuatu tugas, keadaan dan persekitarannya. Pendidik yang berkesan seharusnya merangka pengetahuan baharu berdasarkan pengalaman lepas (Khine, 2004). Pusat Perkembangan Kurikulum (2001) juga menekankan pengetahuan boleh dibina secara aktif oleh pelajar berdasarkan pengetahuan dan pengalaman sedia ada. Dalam proses ini, individu akan menyesuaikan pengetahuan yang diterima dengan pengetahuan sedia ada untuk membina pengetahuan baharu dalam mindanya. Justeru, seorang pensyarah yang kompeten perlu melengkapi diri dengan pengetahuan bagaimana membantu peserta menjana pengetahuan baharu berdasarkan pengalaman mereka.

Pengetahuan yang baik perlu sejajar dengan kemahiran yang baik. Kemahiran bermaksud menguasai teknik dan kaedah untuk menjalankan sesuatu tugas secara berkesan (Ramli Awang, Mohd Nasir Ripin dan Zulkiflee Haron, 2012). Menurut Ramli Awang dan kawan-kawannya (2012), dalam menjalankan tugas secara berkesan, seseorang tidak akan berasa selesa hanya dengan memiliki satu kemahiran asas. Dengan kata lain, seseorang yang kompeten dalam tugasnya perlu memiliki pelbagai jenis kemahiran. Justeru, seorang pensyarah perlu memiliki kemahiran yang sesuai dan pelbagai bagi menghasilkan keberkesanan latihan atau pengajaran yang disampaikan.

Seseorang yang berkompetensi juga perlu memiliki sifat yang baik. Haris dan Muijs (2005) menyatakan seorang pendidik haruslah berkeupayaan untuk mengekalkan hubungan baiknya antara murid kerana hal tersebut penting bagi mengupaya kecemerlangan latihan. Abdullah Sani (2007) yang menyatakan bahawa pendidik yang cemerlang mampu memainkan peranannya untuk membimbing murid, ke arah matlamat yang ditujui. Ini selaras dengan peranan pensyarah sebagai fasilitator. Abdullah Sani (2007) juga menjelaskan bahawa pendidik yang berkualiti sentiasa bersikap terbuka untuk membuat perubahan berdasarkan idea-idea dan kefahaman yang baharu. Kebolehan pensyarah untuk berkongsi idea, nilai, dan perasaan saling mempercayai dengan pelajarnya akan menghasilkan impak positif terhadap proses pembelajaran (Anderson, 2002).

7.2 Kompetensi Pensyarah Bahasa

Kajian yang dijalankan oleh Jabatan Bahasa dan Komunikasi (JBK) IAB pada tahun 2013 telah mengenal pasti enam dimensi dalam menerangkan variabel kompetensi pensyarah bahasa iaitu (1) *Kepelbagaian Kaedah*; (2) *Kemahiran Berbahasa*; (3) *Pengurusan Peralatan dan Ruang*; (4) *Peningkatan Potensi Peserta*; (5) *Kreatif dan Inovatif*; dan (6) *Penilaian Berkualiti*.

7.2.1 Dimensi *Kepelbagaian Kaedah*

Dimensi *Kepelbagaian Kaedah* merangkumi aspek (1) mereka bentuk latihan berdasarkan latar belakang peserta yang berbeza; (2) menjalankan aktiviti berdasarkan keupayaan peserta yang berbeza; dan (3) mengadakan intervensi berdasarkan keperluan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang berbeza (JBK, 2013). Menurut Chew (2011), setiap murid memiliki latar belakang berbeza seperti status sosio-ekonomi keluarga, aliran pengajian, jantina, etnik dan lain-lain. Justeru, cara setiap murid berfikir dan bertindak serta belajar adalah berlainan berbanding dengan yang lain. Mengikut *New Mexico Teacher Competencies* (2013), guru boleh mengamalkan pelbagai kaedah PdP yang berkaitan dengan latar belakang individu yang berbeza supaya pengetahuan dapat disalurkan kepada semua murid dengan lebih berkesan. Dengan kata lain, untuk mempertingkatkan keberkesanan latihan, pensyarah bahasa IAB juga perlu melayani peserta yang berbeza dalam

pengalaman dan tahap pengetahuan yang sedia ada dengan pendekatan yang berlainan terutamanya dalam latihan pengukuhan bahasa.

PdP yang berkesan juga memerlukan pensyarah menjalankan aktiviti berdasarkan keupayaan peserta yang berbeza. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2002), keupayaan didefinisikan sebagai kesanggupan untuk mencapai atau melakukan sesuatu. Setiap individu mempunyai keupayaan yang berbeza. Mengikut Berliner (2005), kepelbagaian pendekatan yang sesuai dengan keupayaan murid merupakan seni pengajaran guru cemerlang. Justeru, dalam memberi latihan kursus, pensyarah perlu mengaplikasikan seni pengajaran ini ke dalam PdP dengan bertindak sebagai fasilitator yang sentiasa kreatif. Pelbagai kaedah pengajaran akan membentuk peserta yang pelbagai keupayaan memiliki keseimbangan dalam kemahiran-kemahiran bahasa seperti mendengar, bertutur, membaca dan menulis secara efektif. Aktiviti yang berdasarkan pemilihan bahan yang relevan dengan keupayaan peserta dapat melibatkan semua peserta secara aktif dalam pembelajaran. Dengan ini, peserta yang lambat tidak terus tertinggal dan peserta yang pandai tidak merasa bosan (Rosadah Mahamud dan Khadijah Hussein, 2002). Cara seperti ini dapat memaksimumkan hasil pembelajaran.

Intervensi dalam PdP adalah tindakan yang dirancang untuk membantu peserta melonjak dari tahap pengetahuan semasa ke tahap pengetahuan yang ingin dihasilkan (Gordon, 1994). Menurut *Northampton College* (2008), dalam proses mengadakan intervensi berdasarkan keperluan PdP yang berbeza, perancangan awal perlu diadakan. Perancangan seperti ini dapat membantu peserta menangani situasi yang dihadapinya dengan lebih berkesan selain daripada merangsang pembelajaran dan menyediakan persekitaran yang membolehkan peserta belajar secara optima.

Misalnya, apabila pensyarah mendapati peserta menghadapi masalah tertentu dalam penguasaan bahasa, pensyarah boleh mengadakan intervensi berdasarkan keperluan PdP melalui rancangan pengajaran yang lebih berpusatkan kepada keperluan tersebut. Menurut Koomen dan Pameijer (2007), sebelum PdP dimulakan, pensyarah perlu mengetahui dahulu masalah yang dihadapi, apa masalah yang memang memerlukan intervensi, masalah mana yang memerlukan perubahan strategi atau kaedah mengajar. Makluman yang mencukupi juga merupakan syarat yang penting untuk pensyarah mengambil keputusan tepat untuk

mengadakan intervensi PdP (Koomen dan Pameijer, 2007). Ini bukan sahaja dapat meningkatkan keberkesanan PdP bahkan dapat memenuhi kehendak peserta.

7.2.2 Dimensi Kemahiran Berbahasa

Dimensi *Kemahiran Berbahasa* merangkumi aspek (1) menggunakan bahasa yang sopan; (2) menggunakan bahasa pertuturan yang mudah difahami; dan (3) menggunakan bahasa standard (JBK, 2013). Menggunakan bahasa yang sopan bererti penggunaan bahasa yang halus dan menepati konteksnya, lemah lembut serta tidak menyinggung perasaan pendengar (Awang Sariyan, 2007). Menurut Hashim Musa (2008), kesantunan bahasa bukan sahaja dapat menghindarkan konflik dan persengketaan dengan pendengarnya malah sentiasa menjaga air muka pendengar. Mengikut Ahmad Khair Mohd dan Rohaida Abdul Gani (2005) pula, amalan kesantunan berbahasa dapat membantu mewujudkan suasana dan perhubungan yang mesra dalam sesuatu komunikasi. Secara ringkas, penggunaan bahasa yang sopan adalah penting kerana kesantunan bahasa merupakan etika sosial yang diperlukan untuk mewujudkan keramahan dan penghormatan antara ahli masyarakat.

Penggunaan bahasa membolehkan manusia berinteraksi antara satu sama lain, iaitu segala maklumat yang ingin disampaikan boleh difahami oleh kedua-dua pihak. Suatu proses berbahasa dikatakan berkesan apabila makna yang disampaikan oleh seseorang dapat difahami oleh pendengar sehingga tidak menimbulkan salah penafsiran. Sebaliknya, suatu proses berbahasa dikatakan tidak berkesan apabila makna yang disampaikan seseorang tidak difahami atau salah ditaksir oleh pendengar (Awang Sariyan, 2007). Salah satu cara untuk memastikan proses berbahasa itu berkesan ialah menggunakan bahasa pertuturan yang mudah difahami. Dengan kata lain, daripada menggunakan bahasa yang janggal, kita perlu menggunakan bahasa yang mudah dimengerti dan dapat diterima oleh pendengar (Ding, 2005). Penggunaan bahasa yang mudah difahami ramai bukan sahaja menyebabkan segala yang diperkatakan difahami oleh orang lain malah dapat mencetuskan satu aktiviti berbahasa yang bermakna.

Penggunaan bahasa standard bererti menggunakan bahasa mengikut sistem bahasa tersendiri iaitu dari segi ejaan, morfologi dan sintaksis (Marzhan, 2010). Secara ringkas, penggunaan bahasa standard bererti menggunakan bahasa

berdasarkan tata bahasa yang betul dan tepat serta tidak menggunakan bahasa rojak, bahasa slanga, dan bahasa pijin. Bahasa rojak ialah bahasa yang bercampur-aduk misalnya antara bahasa Melayu dengan bahasa asing terutamanya bahasa Inggeris (Marzhan, 2010). Bahasa slanga didefinisikan sebagai kata-kata, ungkapan dan seumpamanya yang tidak tergolong dalam bahasa baku tetapi lazimnya digunakan dalam percakapan tidak rasmi (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007). Bahasa slanga sering digunakan oleh golongan remaja atau kelompok sosial tertentu dan hanya difahami oleh kelompok itu sahaja. Bahasa pijin pula wujud dalam bentuk bahasa pasar iaitu bahasa yang digunakan antara satu bangsa dengan bangsa berlainan (Awang Sariyan, 2006). Penggunaan bahasa rojak, bahasa slanga, dan bahasa pijin akan merendahkan martabat sesuatu bahasa. Justeru, penggunaan bahasa standard amat penting agar jati diri bahasa dapat dipelihara.

7.2.3 Dimensi Pengurusan Peralatan dan Ruang

Dimensi *Pengurusan Peralatan dan Ruang* merangkumi aspek (1) memastikan susun letak peralatan sesuai dengan keperluan aktiviti; dan (2) memastikan semua peralatan untuk tujuan PdP berfungsi dengan baik (JBK, 2013). Mengikut Pusat Rujukan Persuratan Melayu (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010), susunan letak peralatan ditakrifkan sebagai penyusunan persekitaran fizikal sesebuah bilik darjah seperti cara susunan meja dan kerusi, perabot, peralatan, ruang untuk aktiviti yang boleh mewujudkan keadaan kondusif dalam kalangan murid dan dapat memberi kesan tertentu terhadap suasana pembelajaran. Menurut Evertson, Emmer, dan Worshom (2003), susun letak peralatan dalam bilik darjah yang sesuai memudahkan aktiviti PdP, memudahkan guru menjalankan pemantauan serta memastikan murid dapat memerhatikan persembahan atau demonstrasi dengan mudah. Keberkesanan konsep ruang bekerja atau '*work space*' ini disokong oleh Hoy dan Weinstein (2006) yang menyatakan bahawa persekitaran fizikal bilik darjah seperti penggunaan ruang secara berkesan boleh mewujudkan suasana bilik darjah dan dimensi sosial berinteraksi yang dapat membentuk budaya bilik darjah yang baik. Justeru, pensyarah yang memberi latihan perlu memastikan penyusunan alatan dan perabot di dalam bilik kuliah menepati keperluan aktiviti dan tidak mengganggu suasana interaksi dan pergerakan pensyarah sewaktu penyampaian kuliah.

Keberfungsian peralatan pula merujuk kepada kebolegunaan dan kesempurnaan peralatan di dalam bilik darjah seperti alatan multi-media, komputer, penghawa dingin, pembesar suara, lampu dan lain-lain peralatan elektrik supaya

berada dalam keadaan yang baik dan selamat untuk digunakan (Evertson, Emmer, & Worshom, 2003). Peralatan yang akan digunakan sewaktu kursus, perlu diperiksa terlebih dahulu untuk memastikan sama ada ia berfungsi dengan baik atau tidak. Peralatan yang tidak berfungsi perlu diganti supaya tidak mengganggu PdP serta mengelakkan kecacatan sesi latihan yang dijalankan terutamanya dari aspek kebersediaan pensyarah dan juga pengurusan masa (JBK, 2013). Dengan erti kata lain, pensyarah perlu memastikan segala peralatan yang digunakan semasa sesi latihan berfungsi dengan baik supaya sesi latihan berjalan dengan lancar dan bermakna kepada peserta yang hadir berkursus.

7.2.4 Dimensi *Peningkatan Potensi Peserta*

'Potensi' berasal daripada perkataan bahasa Inggeris *potential* yang bermaksud mempunyai atau menunjukkan keupayaan dan kebolehan (kecerdasan) dalam diri individu dan jika dicungkil boleh menjadi sesuatu atau berkembang maju pada masa akan datang (Izani, 2012; Majdi, 2007). Dengan kata lain, potensi adalah merupakan sesuatu yang boleh dikembangkan. Apabila dikaitkan dengan peserta yang mengikuti kursus yang dianjurkan oleh JBK di IAB, ia merangkumi aspek (1) mewujudkan peluang untuk meningkatkan kemampuan peserta; (2) memfasilitasi sesi latihan untuk membangunkan keupayaan peserta; (3) menimbulkan keaktifan pada diri peserta agar bersedia untuk belajar; dan (4) menyedarkan peserta kepentingan peningkatan keupayaan diri dalam menjalankan tugas (JBK, 2013).

Pensyarah perlu mewujudkan peluang untuk meningkatkan kemampuan peserta kerana setiap peserta mampu belajar. Kebolehan pensyarah mewujudkan peluang untuk peserta meningkatkan potensi diri penting kerana penglibatan peserta dalam sesi latihan dapat mencungkil bakat dan meningkatkan keupayaan mereka (SKPM, 2010). Banyak pendekatan boleh digunakan untuk mewujudkan peluang pembelajaran peserta misalnya melalui kaedah penyoalan. Semasa berdepan dengan peserta yang berlainan tahap kemampuan, pensyarah perlu bijak mengimbangi soalan kognitif aras rendah dan soalan kognitif aras tinggi bagi memberi peluang kepada semua peserta menjawab mengikut kebolehan masing-masing (Wilén, 1995; Onosko dan Newmann, 1994). Pendekatan seperti ini dapat menggalakkan penglibatan peserta dan seterusnya meningkatkan kemampuan mereka secara berkesan.

Peluang untuk meningkatkan kemampuan peserta boleh juga diwujudkan menerusi sesi perbincangan antara peserta. Mengikut Ashari Sikor, Sapon Ibrahim, Mohamad Hisham Mohd Hashim, Ahmad Rizal Madar dan Noor Azila Zamani (2011), teknik pembelajaran yang dominan digunakan oleh pelajar dewasa ialah teknik perbincangan. Dalam proses perbincangan, setiap peserta perlu diberi peluang untuk mengambil bahagian dan memberi idea. Pensyarah perlu mendedahkan peserta dengan teknik perbincangan supaya mereka berpeluang berkongsi idea dan belajar antara satu sama lain.

Pensyarah juga boleh mewujudkan peluang meningkatkan kemampuan peserta melalui pembelajaran secara kolaboratif. Pembelajaran kolaboratif adalah satu pendekatan pendidikan untuk PdP yang melibatkan kumpulan peserta bekerja bersama-sama untuk menyelesaikan masalah, menyelesaikan tugas, atau menghasilkan produk (Cooper dan Robinson, 1998). Pendekatan pembelajaran kolaboratif adalah berdasarkan kepada idea bahawa pembelajaran adalah satu tindakan semula jadi sosial yang para peserta berkomunikasi di antara mereka sama ada secara fizikal atau virtual (Gerlach, 1994). Penglibatan yang sama rata di antara ahli kumpulan boleh dicapai melalui pembahagian atau urutan tugas. Cara ini menjadikan setiap peserta bertanggungjawab dan melibatkan mereka secara sama rata.

Peningkatan potensi peserta juga berkait rapat dengan kemahiran pensyarah memfasilitasi sesi latihan. Seseorang pensyarah perlu menguasai kemahiran memfasilitasi sesi latihan supaya peserta dapat mengikuti pembelajaran dengan lebih mudah, selesa dan produktif. Untuk mencapai tujuan tersebut, pensyarah perlu ada makluman cukup tentang peserta termasuk tahap pengetahuan sedia ada dan gaya pembelajaran peserta selain daripada jelas tentang tujuan sesi latihan berkenaan (JBK, 2013).

Peningkatan potensi peserta boleh juga dicapai menerusi usaha pensyarah menimbulkan keaktifan pada diri peserta agar bersedia untuk belajar dalam sesuatu sesi latihan. Keterlibatan peserta merujuk kepada kesediaan peserta, keperluan dan keinginan untuk mengambil bahagian dan berjaya dalam pembelajaran (Bomia, Beluzo, Demeester, Elander, Johnson, dan Sheldon, 1997). Peserta akan terlibat apabila mereka berminat dalam kerja mereka walaupun terdapat cabaran dan halangan. Apabila peserta aktif dan bersedia untuk belajar, mereka akan lebih senang menerima isi latihan yang disampaikan oleh pensyarah dan memudahkan

berlakunya perkongsian pengetahuan dalam kalangan peserta. Keterlibatan peserta boleh ditingkatkan melalui beberapa prasyarat sebelum bermula sesi latihan seperti strategi pembelajaran aktif dan hubungan baik antara pensyarah dan peserta (Jones, 2008; Meyer dan Turner, 2006).

Menyedarkan peserta kepentingan peningkatan keupayaan diri dalam menjalankan tugas juga merupakan cara yang penting untuk meningkatkan potensi peserta. Proses tersebut melibatkan proses pemahaman peserta tentang konsep sendiri (Rogers, 1950). Konsep sendiri merujuk kepada persepsi tentang kebolehan seseorang berbanding dengan orang lain dan persekitarannya. Hanya peserta yang mengetahui kekuatan dan kelemahan sendiri akan cuba menyusun strategi untuk meningkatkan potensi diri (Rogers, 1950). Untuk tujuan tersebut, pensyarah perlu berkemahiran untuk mewujudkan peluang yang sesuai demi menyediakan peserta membuat refleksi sendiri secara berkesan. Pensyarah perlu mengaitkan kepentingan peningkatan keupayaan peserta dalam menjalankan tugas dengan peranan mereka sebagai pemimpin sekolah khususnya dalam usaha membangun institusi pendidikan secara berkesan dan berterusan.

Secara ringkasnya pensyarah perlu berkompetensi dalam usaha meningkatkan potensi peserta. Dalam konteks sektor awam negara kita, diwujudkan Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam yang menghendaki setiap anggota perkhidmatan awam melengkapkan diri atau dilengkapi dengan sikap, kemahiran dan pengetahuan yang bersesuaian, melalui program pembangunan sumber manusia yang terancang yang berteraskan pembangunan kompetensi dan pembelajaran berterusan (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6, 2005).

7.2.5 Dimensi Kreatif dan Inovatif

Dimensi *Kreatif dan Inovatif* merangkumi aspek (1) menggunakan kreativiti untuk mereka bentuk sesi latihan yang menarik; (2) menggalakkan pemikiran kritis dalam kalangan peserta; (3) memberi peluang kepada peserta untuk menggunakan daya kreativiti; dan (4) menyediakan pelbagai pilihan untuk peserta menyelesaikan masalah (JBK, 2013).

Kreativiti merupakan tindakan bagi mengubah idea baharu dan imaginatif kepada kebenaran (Naiman, 2014). Di samping itu, kreativiti meliputi ciri kebolehan

mempersepsikan dunia ini dalam cara baharu untuk mencari pola tersembunyi, menghubungkan pelbagai fenomena yang kelihatan tidak berkaitan, serta menjana penyelesaian. Dalam bilik darjah, menurut Bocconi, Kampylis dan Punie (2012), istilah 'kreatif' dirujuk sebagai amalan inovatif, misalnya kolaborasi, personalisasi, pembelajaran aktif dan keusahawanan yang merangsang pembelajaran kreatif. Dalam pengajaran atau latihan pula, pengajaran kreatif boleh didefinisikan dalam dua cara; yang pertama, pengajaran secara kreatif, dan kedua pengajaran demi kreativiti (Morris, 2006). Pengajaran secara kreatif boleh diertikan sebagai guru atau pensyarah menggunakan pendekatan imaginatif untuk membuat pembelajaran lebih menarik, lebih banyak penglibatan, lebih mengujakan dan lebih berkesan. Pengajaran demi kreativiti pula paling baik diuraikan sebagai penggunaan cara-cara pengajaran bagi mengembangkan pemikiran dan tingkah laku kreatif dalam kalangan murid atau peserta (Morris, 2006). Sesi latihan bermakna pasti memerlukan pensyarah menggunakan kreativiti untuk mereka bentuk sesi pengajaran secara kreatif mahupun sesi pengajaran demi kreatif yang menarik.

Seorang pensyarah yang kompeten dalam dimensi *Kreatif dan Inovatif* juga cenderung menggalakkan pemikiran kritis dalam kalangan peserta (JBK, 2013). Menurut Paul dan Elder (2007), pemikiran kritis merupakan seni menganalisis serta menilai pemikiran dengan sesuatu pandangan yang bertujuan untuk memajukan sesuatu. Menurut mereka lagi, seorang pemikir kritis yang dipupuk dengan baik, antara lain dapat berkomunikasi secara berkesan dengan orang lain selain daripada dapat menyediakan pelbagai penyelesaian terhadap masalah kompleks. Kemahiran pemikiran kritis dianggap penting kerana kemahiran itu membolehkan seseorang berhadapan dengan masalah sosial, saintifik, dan praktik secara berkesan (Shakirova, 2007). Faedah daripada amalan pemikiran kritis tersebut amat bersesuaian dengan keperluan pemimpin sekolah dalam zaman yang penuh dengan perubahan ini. Mereka menghadapi pelbagai cabaran dan masalah kompleks dalam tugas harian mereka yang perlu ditangani dengan bijak dan kreatif.

Seterusnya, pensyarah yang berkompentensi juga perlu memberi peluang kepada peserta untuk menggunakan daya kreativiti mereka dalam proses pembelajaran (JBK, 2013). Dalam menggalakkan penggunaan daya kreativiti, Stephens (2004) pernah mencadangkan dua puluh cara yang berguna. Menggalakkan rasa ingin tahu tanpa memberi jawapan secara langsung merupakan satu cara yang berkesan. Selain memupuk rasa ingin tahu serta mencari jawapan, guru atau pensyarah harus mengemukakan soalan bagi merangsang fikiran

imaginatif. Pensyarah harus sentiasa mengelakkan penggunaan perkataan negatif yang tidak membawa galakan. Hormati segala usaha yang bersifat kreatif; paparkan hasil untuk dilihat oleh murid atau peserta. Di samping itu, peserta harus diberi peluang untuk melakukan eksplorasi selain menghargai idea dan pandangan yang berbeza-beza. Satu kajian yang dilaksanakan oleh *The Office of Standards in Education* (Ofsted) (2010) mendapati bahawa guru mempromosikan pembelajaran kreatif dengan paling berkesan apabila menggalakkan murid menyoal serta mencabar, membuat hubung kait serta meninjau hubungan, meramal, bersikap terbuka, serta membuat refleksi kritis terhadap idea, tindakan dan keputusan. Dengan kata lain, untuk menggalakkan penggunaan daya kreativiti dalam kalangan peserta kursus, semua kaedah tersebut boleh dijadikan rujukan serta diamalkan oleh para pensyarah.

Pensyarah yang kompeten juga perlu menyediakan pelbagai pilihan untuk peserta menyelesaikan masalah dalam proses pembelajaran (JBK, 2013). Pemimpin yang dinamik walaupun berhadapan dengan cabaran, mereka tetap tahu bagaimana mengenal pasti penyelesaian yang berkesan. Untuk melatih pemimpin sekolah menyelesaikan masalah yang dihadapi secara berkesan, latihan perlu menyediakan pelbagai pilihan untuk peserta mengambil keputusan agar menyelesaikan masalah. Untuk mengambil keputusan yang baik, pemimpin sekolah dilatih bagaimana mengenal pasti punca masalah, meninjau pelbagai alternatif dengan teliti, membuat pilihan yang bersangkut paut dengan matlamat organisasi, dan menilai hasil penyelesaian masalah (JBK, 2013). Dengan kata lain, latihan yang berbentuk seperti ini dapat memdedahkan pemimpin sekolah dengan pendekatan yang relevan dan berkesan untuk menyelesaikan masalah.

7.2.6 Dimensi *Penilaian Berkualiti*

Dimensi *Penilaian Berkualiti* merangkumi aspek (1) menjalankan penilaian secara objektif; (2) menggunakan instrumen penilaian yang dapat menilai perkara yang dinilai; (3) menjalankan penilaian mengikut langkah-langkah yang ditetapkan; dan (4) menjalankan penilaian berdasarkan data yang dikumpulkan (JBK, 2013).

Penilaian boleh diertikan sebagai satu prosedur yang digunakan untuk mengenal pasti sama ada subjek latihan mencapai kriteria yang telah ditetapkan lebih awal (Kizlik, 2012). Menurut Kirkpatrick dan Kirkpatrick (2006), penilaian

dilaksanakan dengan tujuan untuk mengenal pasti keberkesanan sesuatu program latihan berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan. Mengikut Sera dan Beaudry (2007), reka bentuk, implementasi dan hasil sesuatu projek, program dan polisi boleh dinilai dengan sistematik dan objektif. Pensyarah perlu menjalankan penilaian secara objektif. Ini bererti pensyarah tidak dipengaruhi oleh perasaan, interpretasi atau prejudis peribadi. Objektif juga perlu berdasarkan fakta di samping tidak berat sebelah. Secara ringkas, penilaian yang dijalankan perlu memperlihatkan ciri-ciri keobjektifan, iaitu berdasarkan data dan tidak dicampuri perasaan peribadi (Kirkpatrick dan Kirkpatrick, 2006).

Instrumen penilaian boleh diertikan sebagai alat dan prosedur yang digunakan untuk mengumpul serta menginterpretasi bukti kompetensi (*The Australian Quality Training Framework [AQTF]*, 2010). Menurut AQTF (2010), satu instrumen atau alat penilaian merangkumi unit kompetensi atau pembelajaran yang hendak ditaksir. Selain itu, instrumen tersebut harus meliputi kumpulan sasaran, konteks dan situasi penilaian selain tugas yang hendak ditadbirkan ke atas peserta. Dalam penggunaan instrumen penilaian yang dapat menilai perkara yang dinilai, pensyarah perlu mengetahui apa yang hendak dinilai. Menurut Topno (2012), tujuan dan kandungan program latihan merupakan fokus dalam penilaian latihan. Penilaian dilaksanakan untuk memastikan tujuan atau objektif latihan dan program pembangunan tercapai di samping keberkesanan kandungan program. Ringkasnya, instrumen penilaian harus dapat berfungsi untuk menilai kriteria yang digariskan dalam objektif kursus.

Dalam proses pengumpulan data penilaian, langkah-langkah pelaksanaan penilaian perlu ditetapkan. Menurut Janet Wall (n.d.), proses penilaian boleh terdiri daripada sembilan langkah. Mula-mula, penilai perlu menetapkan tujuan dan skop penilaian. Kemudian, soalan penilaian tentang perkara yang hendak diketahui perlu ditetapkan. Selepas itu, reka bentuk penilaian hendaklah ditentukan. Rancangan pengumpulan data pula merupakan langkah yang seterusnya. Kemudian, data akan dikumpulkan. Langkah seterusnya merupakan penganalisan data. Apabila data sudah dianalisis, dapatan didokumentasikan serta disebarluaskan. Langkah terakhir merupakan maklum balas terhadap penambahbaikan program. Menurut Janet Wall (n.d.) lagi, penilaian yang direka bentuk dengan baik serta dilaksanakan dengan teliti dapat membekalkan maklumat yang penting tentang hasil program di samping menuju ke arah penambahbaikan aspek-aspek tertentu. Sebagai pensyarah yang mengendalikan program latihan, penilaian harus dijalankan mengikut langkah-

langkah yang ditetapkan demi memperoleh maklumat dalam penambahbaikan sesuatu program latihan.

Pensyarah yang kompeten juga perlu menjalankan penilaian berdasarkan data yang dikumpulkan (JBK, 2013). Data merupakan maklumat dalam bentuk mentah atau belum diurus. Data boleh berada dalam bentuk kualitatif atau kuantitatif (Reynolds, 2001). Data mendasari pelbagai keputusan dalam perancangan PdP. Untuk guru, jika mereka mempunyai maklumat atau data yang membantu mereka mengenal pasti punca cabaran serta mengesan kemajuan, mereka dapat membangunkan pelan tindakan yang boleh membawa impak positif terhadap pembelajaran murid (Barneveld, 2008). Jika dikaitkan dengan pensyarah bahasa IAB, data berkaitan dengan program latihan dan kumpulan sasaran atau peserta dapat membekalkan maklumat yang tepat dan kukuh. Maklumat seperti ini dapat membantu pensyarah membuat penambahbaikan dan meningkatkan keberkesanan latihan.

8.0 METODOLOGI KAJIAN

8.1 Kaedah Penyelidikan dan Responden Kajian

Kajian ini merupakan penyelidikan kuantitatif melalui kaedah kaji selidik. Berdasarkan kaedah persampelan mudah, Pengetua, Guru Besar dan Penolong Kanan yang menghadiri Kursus BM dan BI anjuran JBK IAB dari bulan Mac hingga bulan Oktober 2014 dipilih sebagai responden kajian. Sebanyak 12 kali kursus BM dan tujuh kali kursus BI dijalankan dalam tempoh masa tersebut. Ini termasuk empat jenis kursus BM iaitu (1) Kursus Komunikasi Berkesan (tiga kali); (2) Kursus Pengurusan Mesyuarat Berkualiti (empat kali); (3) Kursus Penulisan Surat Rasmi dan Memo (tiga kali); dan (4) Kursus Pengucapan Awam (dua kali). Tiga jenis kursus BI termasuk (1) Kursus *Effective Communication* (dua kali); (2) Kursus *Management of English in School* (dua kali); dan (3) Kursus *Professional Reading and Writing* (tiga kali). Seramai 280 dan 164 peserta kursus BM dan BI masing-masing dipilih sebagai responden kajian ini. Dengan kata lain, seramai 444 peserta kursus telah terlibat dalam kajian ini. Bilangan dan kekerapan kursus BM dan BI dijalankan dengan bilangan responden masing-masing ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1. Bilangan dan Kekerapan Kursus BM dan BI Dijalankan dan Bilangan Respondennya

Bil.	Kursus BM	Kali	Bilangan Responden	Bil.	Kursus BI	Kali	Bilangan Responden
1.	Komunikasi Berkesan	3	77	1.	<i>Effective Communication</i>	2	42
2.	Pengurusan Mesyuarat Berkualiti	4	92	2.	<i>Management of English in School</i>	2	54
3.	Kursus Penulisan Surat Rasmi dan Memo	3	62	3.	<i>Professional Reading and Writing</i>	3	68
4.	Kursus Pengucapan Awam	2	49				
	Jumlah	12	280			7	164

8.2 Instrumen Kajian

Skala Kompetensi Pensyarah Bahasa (SKPB) IAB yang digubal oleh Jabatan Bahasa dan Komunikasi (JBK) pada tahun 2013 dengan tujuan menilai kompetensi pensyarah bahasa secara berfokus merupakan instrumen yang digunakan untuk kajian ini. Instrumen ini mempunyai enam dimensi iaitu (1) *Kepelbagaian Kaedah*; (2) *Kemahiran Berbahasa*; (3) *Pengurusan Peralatan dan Ruang*; (4) *Peningkatan Potensi Peserta*; (5) *Kreatif dan Inovatif* dan (6) *Penilaian Berkualiti* (Jadual 2) dengan komposit indeks kebolehpercayaan .76, .69, .80, .74, .76 dan .82 masing-masing. Skala yang mengandungi 20 item ini mempunyai kesahan konvergen yang tinggi: (1) julat pemberat faktor dari .76 hingga .94 (JBK, 2013) iaitu lebih daripada piawai .70 (Hair, Anderson, Tatham dan Black, 2006); (2) julat *Squared Multiple Correlations* (SMC) dari .58 hingga .88 iaitu lebih daripada piawai .50 (Hair dan kawan-kawan 2006; Holmes-Smith, 2001); dan (3) julat *Averaged Extracted Value* (AVE) dari 63% hingga 81% yang lebih daripada 50% seperti yang dicadangkan (Fornell dan Larker, 1981). Skala ini juga mempunyai kesahan diskriminan yang tinggi dengan AVE lebih daripada .50 dan komposit indeks kebolehpercayaan lebih daripada .70 (JBK, 2013) (Hair et. al., 2006; Fornell dan Larker, 1981).

Jadual 2. Dimensi dan Item Skala Kompetensi Pensyarah Bahasa IAB

Bil.	Dimensi	Item
1.	<i>Kepelbagaian Kaedah</i>	a. mereka bentuk latihan berdasarkan latar belakang peserta yang berbeza b. menjalankan aktiviti berdasarkan keupayaan peserta yang berbeza c. mengadakan intervensi berdasarkan keperluan Pengajaran dan Pembelajaran(PdP) yang berbeza
2.	<i>Kemahiran Berbahasa</i>	a. menggunakan bahasa yang sopan b. menggunakan bahasa pertuturan yang mudah difahami c. menggunakan bahasa standard
3.	<i>Pengurusan Peralatan dan Ruang</i>	a. memastikan susun letak peralatan sesuai dengan keperluan aktiviti b. memastikan semua peralatan untuk tujuan PdP berfungsi dengan baik
4.	<i>Peningkatan Potensi Peserta</i>	a. mewujudkan peluang untuk meningkatkan kemampuan peserta b. memfasilitasi sesi latihan untuk membangunkan keupayaan peserta c. menimbulkan keaktifan pada diri peserta agar bersedia untuk belajar d. menyedarkan peserta kepentingan peningkatan keupayaan diri dalam menjalankan tugas
5.	<i>Kreatif dan Inovatif</i>	a. menggunakan kreativiti untuk mereka bentuk sesi latihan yang menarik b. menggalakkan pemikiran kritis dalam kalangan peserta c. memberi peluang kepada peserta untuk menggunakan daya kreativiti d. menyediakan pelbagai pilihan untuk peserta dalam penyelesaian masalah
6.	<i>Penilaian Berkualiti</i>	a. menjalankan penilaian secara objektif b. menggunakan instrumen penilaian yang dapat menilai perkara yang dinilai c. menjalankan penilaian mengikut langkah-langkah yang ditetapkan d. menjalankan penilaian berdasarkan data yang dikumpulkan

8.3 Borang Kaji Selidik

Borang kaji selidik terbahagi kepada tiga bahagian (Lampiran 1). Bahagian pertama mengandungi maklumat demografi responden yang merangkumi jenis kursus, jantina, umur, jawatan, dan bilangan tahun memegang jawatan. Bahagian kedua mempunyai 20 item tentang kompetensi pensyarah bahasa dalam penyampaian latihan kursus bahasa. Item-item itu disusun mengikut turutan enam dimensi yang terdapat dalam Skala Kompetensi Pensyarah Bahasa IAB iaitu (1) *Kepelbagaian Kaedah*; (2) *Kemahiran Berbahasa*; (3) *Pengurusan Peralatan dan Ruang*; (4) *Peningkatan Potensi Peserta*; (5) *Kreatif dan Inovatif*, dan (6) *Penilaian Berkualiti* (Jadual 2). Responden diminta menjawab dengan menggunakan skala 1 hingga 6, iaitu 1 untuk

“Amat tidak berkompetensi”, 2 untuk “Tidak berkompetensi”, 3 untuk “Kurang berkompetensi”, 4 untuk “Agak berkompetensi”, 5 untuk “Berkompetensi” dan 6 untuk “Amat berkompetensi”.

Bahagian ketiga kaji selidik pula mengandungi item ujian pra dan pasca untuk empat kursus BM dan tiga kursus BI masing-masing tentang pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki oleh responden sebelum dan selepas mengikuti kursus. Item-item itu merupakan aspek kandungan penting bagi setiap modul latihan kursus BM dan BI (Rajah 5, 6, 7, 8, 10, 11, dan 12). Responden diminta menjawab dengan menggunakan skala 1 hingga 7 untuk menilai kedua-dua bahagian tersebut iaitu pengetahuan dan kemahiran responden sebelum dan selepas kursus.

8.4 Prosedur Pengumpulan Data

Borang kaji selidik ditadbirkan kepada peserta yang mengikuti kursus BM dan Kursus BI di IAB dari bulan Mac hingga Oktober 2014. Soal selidik dijawab oleh peserta sebaik sahaja setiap kursus tamat. Pengurus kursus yang merupakan ahli JBK bertanggungjawab mengendalikan pentadbiran ini. Selepas itu, borang berkenaan diserahkan kepada pensyarah berkenaan untuk pemprosesan data.

8.5 Kaedah Analisis Data

Dua pendekatan telah digunakan untuk menganalisis data yang dikumpulkan dalam kajian ini. Pertama, statistik deskriptif digunakan untuk menganalisis maklumat demografi responden yang termasuk jenis kursus, jantina, umur, jawatan dan bilangan tahun memegang jawatan. Statistik deskriptif juga digunakan untuk soalan kajian pertama (*Apakah tahap pencapaian pensyarah BM dalam enam dimensi Model Kompetensi Pensyarah Bahasa IAB?*), soalan kajian kedua (*Apakah tahap pencapaian pensyarah BI dalam enam dimensi Model Kompetensi Pensyarah Bahasa IAB?*) dan soalan kajian ketiga (*Apakah perbezaan atau persamaan tahap pencapaian kompetensi antara pensyarah BM dan BI dalam enam dimensi Model Kompetensi Pensyarah Bahasa IAB?*). Hasil dapatan dipaparkan dengan menggunakan min, sisihan piawai atau peratusan. Skor penentu untuk pensyarah

yang kompeten (soalan kajian pertama dan kedua) ialah 4.8 iaitu 80% daripada skala *Likert* enam ($[(6 \times 80) \div 100]$).

Kedua, ujian-T digunakan untuk soalan kajian keempat (*Dengan mengaplikasikan kompetensi yang disarankan dalam Model Kompetensi Pensyarah Bahasa IAB, adakah sesi latihan kursus bahasa yang dikendalikan oleh pensyarah bahasa IAB dapat menambahkan pengetahuan dan meningkatkan kemahiran peserta kursus?*). Untuk melihat sama ada latihan kursus bahasa yang dikendalikan oleh pensyarah bahasa IAB dapat menambahkan pengetahuan dan meningkatkan kemahiran peserta kursus, ujian-T digunakan untuk menilai kesignifikan skor peserta antara sebelum dan selepas mengikuti kursus berdasarkan ujian pra dan pasca.

Sekiranya perbezaan skor adalah signifikan iaitu nilai p kurang daripada .05, ini bermakna latihan kursus bahasa yang dikendalikan dapat menambahkan pengetahuan dan meningkatkan kemahiran peserta kursus. Walau bagaimanapun, jika perbezaan skor adalah tidak signifikan iaitu nilai p melebihi .05, ini bererti latihan kursus bahasa yang dikendalikan tidak dapat menambahkan pengetahuan dan meningkatkan kemahiran peserta kursus. Untuk menjelaskan tahap kesignifikan skor tersebut secara eksplisit, skor itu dibahagikan kepada tiga tahap peningkatan pengetahuan dan kemahiran pensyarah berdasarkan julat perbezaan seperti yang dipaparkan dalam Jadual 3 iaitu (1) Agak Tinggi (1.00-2.99); (2) Tinggi (3.00-4.99); dan (3) Sangat Tinggi (5.00-6.00).

Jadual 3. Tiga Tahap Peningkatan Pengetahuan dan Kemahiran Pensyarah

Julat	Tahap
1.00-2.99	Agak Tinggi
3.00-4.99	Tinggi
5.00-6.00	Sangat Tinggi

9.0 DEMOGRAFI RESPONDEN

Kajian ini melibatkan 444 orang responden iaitu 280 orang (63%) yang menghadiri Kursus BM dan 164 orang (37%) yang mengikuti Kursus BI. Seramai 50.2% responden (223 orang) merupakan perempuan dan 49.8% responden (221 orang) adalah lelaki. Golongan berumur 51 hingga 60 tahun merupakan golongan terbesar yang terlibat dalam kajian ini iaitu sebanyak 42.1% (187 orang). Ini diikuti dengan golongan berumur 41 hingga 50 tahun iaitu 41.9% (186 orang), 31 hingga 40 tahun iaitu 8.6% (38 orang) dan 21 hingga 30 iaitu 7.4% (33 orang). Majoriti daripada kalangan responden terdiri daripada Penolong Kanan iaitu sebanyak 48.0% (213 orang) diikuti dengan Guru Besar iaitu sebanyak 22.5% (100 orang), lain-lain sebanyak 20.9% (93 orang) dan Pengetua sebanyak 8.6% (38 orang). Kebanyakan responden memegang jawatan masing-masing melebihi 20 tahun iaitu sebanyak 38.7% (172 orang), diikuti dengan satu hingga lima tahun sebanyak 23.1% (102 orang) dan enam hingga 10 tahun sebanyak 13.7% (61 orang). Dalam pada itu, terdapat seramai 9.9% (44 orang) yang menjawat jawatan berkenaan selama 16 hingga 20 tahun. Ini disusuli dengan golongan 11 hingga 15 tahun sebanyak 9.2% (41 orang) sementara tempoh kurang daripada satu tahun pula hanya mencatatkan 5.4% (24 orang). Jadual 4 memaparkan ciri-ciri demografi responden kajian ini.

Jadual 4. Demografi Responden Kajian


Demografi	Kategori	Frekuensi	Peratus (%)
Jenis Kursus	BM	280	63
	BI	164	37
Jantina	Lelaki	221	49.8
	Perempuan	223	50.2
Umur	21-30	33	7.4
	31-40	38	8.6
	41-50	186	41.9
	51-60	187	42.1
	Pengetua	38	8.6
Jawatan	Guru Besar	100	22.5
	Penolong Kanan	213	48.0
	Lain-lain	93	20.9
	Kurang 1 Tahun	24	5.4
Bilangan Tahun Memegang Jawatan	1-5 Tahun	102	23.1
	6-10 Tahun	61	13.7
	11-15 Tahun	41	9.2
	16-20 Tahun	44	9.9
	> 20 Tahun	172	38.7

10.0 DAPATAN KAJIAN

10.1 Soalan Kajian 1

Apakah tahap pencapaian pensyarah BM dalam enam dimensi Model Kompetensi Pensyarah Bahasa IAB?


Berdasarkan Rajah 2, secara keseluruhannya pensyarah BM IAB adalah kompeten dalam enam dimensi Model Kompetensi Pensyarah Bahasa IAB, iaitu dimensi *Kepelbagaian Kaedah*, *Kemahiran Berbahasa*, *Pengurusan Peralatan dan Ruang*, *Peningkatan Potensi Peserta*, *Kreatif dan Inovatif*, dan *Penilaian Berkualiti* dengan mencapai skor min sekurang-kurangnya 5.03. Antara enam dimensi tersebut, pensyarah BM IAB mencapai tahap kompetensi yang paling tinggi dalam dimensi *Kemahiran Berbahasa* dengan skor min sebanyak 5.66 ($\underline{SP}=.48$). Ini diikuti dengan dimensi *Peningkatan Potensi Peserta* ($\underline{M}= 5.32$; $\underline{SP}=.59$), *Penilaian Berkualiti* ($\underline{M}=5.18$; $\underline{SP}=.60$), *Kreatif dan Inovatif* ($\underline{M}=5.13$; $\underline{SP}=.67$) dan *Pengurusan Peralatan dan Ruang* ($\underline{M}=5.12$; $\underline{SP}=.67$). Pensyarah BM IAB memperoleh skor min yang paling rendah dalam dimensi *Kepelbagaian Kaedah* iaitu sebanyak 5.03 ($\underline{SP}=.67$). Secara ringkas, pensyarah BM IAB berkompetensi dalam semua dimensi Model Kompetensi Pensyarah Bahasa IAB.



10.2 Soalan Kajian 2

Apakah tahap pencapaian pensyarah BI dalam enam dimensi Model Kompetensi Pensyarah Bahasa IAB?


Pensyarah BI IAB juga kompeten dalam enam dimensi Model Kompetensi Pensyarah Bahasa IAB dengan mencapai skor min sekurang-kurangnya 5.27 (Rajah 3). Antara enam dimensi itu, pensyarah BI IAB mencapai tahap kompetensi yang paling tinggi dalam dimensi *Kemahiran Berbahasa* dengan min sebanyak 5.80 ($SP=.37$). Pensyarah BI IAB mencapai skor min sebanyak 5.60 ($SP=.43$) dalam dimensi *Peningkatan Potensi Peserta*. Dalam dimensi Kreatif dan Inovatif, pensyarah BI IAB mencapai skor min sebanyak 5.57 ($SP=.43$). Ini diikuti dengan dimensi *Penilaian Berkualiti* ($M=5.45$; $SP=.48$) dan *Pengurusan Peralatan dan Ruang* ($M=5.41$; $SP=.47$). Pensyarah BI IAB memperoleh skor min yang paling rendah dalam dimensi *Kepelbagaian Kaedah* iaitu sebanyak 5.27 ($SP=.55$). Secara ringkas, pensyarah BI IAB juga berkompetensi dalam semua dimensi Model Kompetensi Pensyarah Bahasa IAB.



10.3 Soalan Kajian 3

Apakah perbezaan atau persamaan tahap pencapaian kompetensi antara pensyarah BM dan BI dalam enam dimensi Model Kompetensi Pensyarah Bahasa IAB?

Berdasarkan Rajah 4, jelasnya, yang pertama, pensyarah BM dan BI sama-sama mencapai skor min yang paling tinggi dalam dimensi *Kemahiran Berbahasa* ($\underline{M}$ =5.66, $\underline{SP}$ =0.48 [BM]; $\underline{M}$ =5.80, $\underline{SP}$ =0.37 [BI]). Kedua, pensyarah BM dan BI juga mencapai skor min yang paling rendah dalam dimensi yang sama iaitu *Kepelbagaian Kaedah* ($\underline{M}$ =5.03, $\underline{SP}$ =0.67 [BM]; $\underline{M}$ =5.27, $\underline{SP}$ =0.55 [BI]). Pensyarah BM mencapai skor min yang kedua tinggi dalam dimensi *Peningkatan Potensi Peserta*, diikuti dengan dimensi *Penilaian Berkualiti*, *Kreatif dan Inovatif* dan *Pengurusan Peralatan dan Ruang*. Pensyarah BI pula mencapai skor min yang kedua tinggi dalam dimensi *Peningkatan Potensi Peserta*, diikuti dengan *Kreatif dan Inovatif*, *Penilaian Berkualiti*, dan *Pengurusan Peralatan dan Ruang*. Ini bermaksud tidak terdapat perbezaan besar antara turutan tahap pencapaian kompetensi pensyarah BM dan BI dalam enam dimensi Model Kompetensi Pensyarah Bahasa IAB.



10.4 Soalan Kajian 4

Dengan mengaplikasikan kompetensi yang disarankan dalam Model Kompetensi Pensyarah Bahasa IAB, sejauh manakah sesi latihan kursus bahasa yang dikendalikan oleh pensyarah bahasa IAB dapat menambahkan pengetahuan dan meningkatkan kemahiran peserta kursus?

Untuk melihat sama ada sesi latihan kursus bahasa yang dikendalikan oleh pensyarah bahasa IAB dapat menambahkan pengetahuan dan meningkatkan kemahiran peserta kursus, perbezaan skor pengetahuan dan kemahiran peserta sebelum dan selepas peserta mengikuti kursus dinilai kesignifikannya dengan menggunakan ujian-T berdasarkan ujian pra dan pasca yang telah dijalankan. Ini termasuk empat kursus BM iaitu (1) Kursus komunikasi Berkesan; (2) Kursus Pengurusan Mesyuarat Berkualiti; (3) Kursus Penulisan Surat Rasmi dan Memo; dan (4) Kursus Pengucapan Awam dan tiga kursus BI iaitu (1) Kursus *Effective Communication*; (2) Kursus *Management of English in School*; dan (3) Kursus *Professional Reading and Writing* yang telah dikendalikan oleh JBK sepanjang tahun 2014. Seterusnya, tahap kesignifikan skor dinilai berdasarkan tiga tahap iaitu (1) Agak Tinggi (1.00-2.99); (2) Tinggi (3.00-4.99); (3) Sangat Tinggi (5.00-6.00) seperti yang dibincangkan dalam Bahagian 8.5.


10.4.1 Kursus Bahasa Melayu

Tahap pencapaian pengetahuan dan kemahiran peserta kursus BM adalah seperti yang berikut:

a) Kursus Komunikasi Berkesan

Berdasarkan Lampiran 2, kesemua lima-belas item yang berkaitan dengan tahap pengetahuan dan kemahiran peserta sebelum dan selepas mengikuti Kursus Komunikasi Berkesan mempunyai nilai p yang kurang daripada .05 atau berada pada tahap signifikan. Ini bermakna kursus tersebut dapat menambahkan pengetahuan dan meningkatkan kemahiran peserta selepas mereka mengikuti kursus itu. Walaupun bagaimanapun, memandangkan skor purata perbezaan min bagi lima-belas item tersebut adalah 2.12 (Lampiran 2), peningkatan pengetahuan dan kemahiran peserta kursus adalah pada tahap 'Agak Tinggi'.


Rajah 5 memaparkan julat perbezaan min bagi kesemua lima-belas item yang berkaitan dengan tahap pengetahuan dan kemahiran peserta sebelum dan selepas mengikuti Kursus Komunikasi Berkesan iaitu antara 1.93 dan 2.69. Tiga aspek yang paling dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran peserta kursus ialah 1) jenis-jenis Komunikasi ($\underline{M}$ =2.69); 2) konsep penyediaan minit curai ($\underline{M}$ =2.33); dan 3) format minit curai ($\underline{M}$ =2.30). Tiga aspek yang kurang dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran peserta kursus ialah 1) komunikasi profesional ($\underline{M}$ =1.93); 2) *smart skill* dalam komunikasi ($\underline{M}$ =1.96); dan 3) masalah komunikasi dalam organisasi ($\underline{M}$ =1.97).



b) Kursus Pengurusan Mesyuarat Berkualiti

Lampiran 3 menunjukkan kesemua sepuluh item yang berkaitan dengan pengetahuan dan kemahiran peserta sebelum dan selepas mengikuti Kursus Pengurusan Mesyuarat Berkualiti berada pada tahap signifikan dengan nilai p yang kurang daripada .05. Dengan kata lain, terdapat perubahan signifikan dalam input pengetahuan dan kemahiran latihan selepas peserta mengikuti kursus itu. Memandangkan skor purata perbezaan min bagi sepuluh item tersebut adalah 2.07 (Lampiran 3), jelasnya peningkatan pengetahuan dan kemahiran peserta kursus adalah pada tahap 'Agak Tinggi'.

Rajah 6 memaparkan julat perbezaan min bagi sepuluh item yang berkaitan dengan tahap pengetahuan dan kemahiran peserta sebelum dan selepas mengikuti Kursus Pengurusan Mesyuarat Berkualiti iaitu antara 1.94 dan 2.21. Yang paling dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran peserta kursus termasuk aspek 1) prinsip penulisan minit mesyuarat ($\underline{M}=2.21$); 2) format penulisan minit mesyuarat ($\underline{M}=2.17$); 3) tatasusila dan protokol mesyuarat ($\underline{M}=2.11$); dan 4) keahlian dan fungsi ahli mesyuarat ($\underline{M}=2.11$). Yang kurang dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran peserta kursus termasuk aspek 1) gaya bahasa dan penggunaan kata atau ayat minit mesyuarat ($\underline{M}=1.94$); 2) tujuan mesyuarat ($\underline{M}=1.94$); dan 3) penggunaan bahasa dalam penulisan minit mesyuarat ($\underline{M}=1.97$) dan 4) kategori mesyuarat ($\underline{M}=2.08$).




c) Kursus Penulisan Surat Rasmi dan Memo

Pada keseluruhannya terdapat perubahan yang signifikan dalam input pengetahuan dan kemahiran latihan selepas peserta mengikuti Kursus Penulisan Surat Rasmi dan Memo. Lampiran 4 jelas menunjukkan kesemua enam-belas item yang berkaitan dengan pengetahuan dan kemahiran peserta sebelum dan selepas mengikuti kursus ini adalah signifikan ($p < 0.05$). Walau bagaimanapun, disebabkan skor purata perbezaan min bagi enam-belas item tersebut hanya 1.28 (Lampiran 4), peningkatan pengetahuan dan kemahiran peserta kursus juga adalah pada tahap 'Agak Tinggi'.

Rajah 7 memaparkan julat perbezaan min antara enam-belas item tersebut yang berkaitan dengan tahap pengetahuan dan kemahiran peserta sebelum dan selepas menghadiri Kursus Penulisan Surat Rasmi dan Memo adalah antara 1.11 dan 1.47. Tiga aspek yang paling dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran


peserta kursus ialah 1) format penulisan memo ($\underline{M}$ =1.47); 2) kesilapan umum ejaan dan tanda baca ($\underline{M}$ =1.42); dan 3) prinsip penulisan memo berkualiti berasaskan Prinsip 4C ($\underline{M}$ =1.36). Yang kurang dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran peserta kursus ialah aspek 1) kata sapaan ($\underline{M}$ =1.11); 2) kata ganti diri ($\underline{M}$ =1.11); 3) bahasa tubuh ($\underline{M}$ =1.13); dan 4) rujukan hormat ($\underline{M}$ =1.18).



d) Kursus Pengucapan Awam

Berdasarkan Lampiran 5, kesemua dua-belas item yang berkaitan dengan pengetahuan dan kemahiran peserta sebelum dan selepas mengikuti Kursus Pengucapan Awam mempunyai nilai p yang kurang daripada .05 atau berada pada tahap signifikan. Ini bermakna terdapat perubahan yang signifikan dalam input pengetahuan dan kemahiran latihan selepas peserta mengikuti kursus tersebut. Namun disebabkan skor purata perbezaan min bagi dua-belas item tersebut adalah 2.10 (Lampiran 5), peningkatan pengetahuan dan kemahiran peserta kursus juga adalah pada tahap 'Agak Tinggi'.

Rajah 8 memaparkan julat perbezaan min bagi dua-belas item yang berkaitan dengan tahap pengetahuan dan kemahiran peserta sebelum dan selepas menghadiri Kursus Pengucapan Awam adalah antara 1.86 dan 2.37. Aspek yang paling dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran peserta ialah 1) komponen pengucapan awam ($\underline{M}=2.37$); 2) dasar bahasa dan aplikasinya dalam pentadbiran awam ($\underline{M}=2.23$); 3) langkah-langkah dalam penyediaan teks ucapan ($\underline{M}=2.23$); dan 4) penulisan teks ucapan dan penyampaian ucapan ($\underline{M}=2.17$). Aspek yang kurang dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran peserta kursus ialah 1) penggunaan bahasa (retorik bahasa) ($\underline{M}=1.86$); 2) bahasa badan ($\underline{M}=1.94$); dan 3) komunikasi efektif dan pengucapan awam berkesan ($\underline{M}=1.98$).




Jadual 5 merumuskan skor purata perbezaan min pengetahuan dan kemahiran peserta sebelum dan selepas mengikuti empat kursus BM dengan mengikut kedudukannya. Jelasnya, Kursus Komunikasi Berkesan menduduki tempat yang paling tinggi dengan skor purata perbezaan min sebanyak 2.12, diikuti dengan Kursus Pengucapan Awam ($\bar{M}$ =2.10) dan Kursus Pengurusan Mesyuarat Berkualiti ($\bar{M}$ =2.07). Kursus Penulisan Surat Rasmi dan Memo berada di tempat yang terendah dengan skor purata perbezaan min sebanyak 1.28 sahaja. Ini bermakna antara empat kursus BM, Kursus Komunikasi Berkesan yang paling dapat menambahkan pengetahuan dan meningkatkan kemahiran peserta kursus. Ini diikuti dengan Kursus Pengucapan Awam dan Kursus Pengurusan Mesyuarat Berkualiti. Manakala, Kursus Penulisan Surat Rasmi dan Memo merupakan kursus yang paling kurang menambahkan pengetahuan dan meningkatkan kemahiran peserta kursus. Rajah 9

pula memaparkan perbandingan julat perbezaan min dan kedudukannya antara empat kursus BM.

Jadual 5. Skor Purata Perbezaan Min Pengetahuan dan Kemahiran Peserta Sebelum dan Selepas Mengikuti Kursus BM

Bil.	Nama Kursus	Skor Purata Perbezaan Min
1.	Komunikasi Berkesan	2.12
2.	Pengucapan Awam	2.10
3.	Pengurusan Mesyuarat Berkualiti	2.07
4.	Penulisan Surat Rasmi dan Memo	1.28



Jadual 6 merumuskan aspek-aspek yang paling dan kurang dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran peserta dalam keempat-empat kursus BM yang dikendalikan oleh JBK IAB pada tahun 2014.

Jadual 6. Aspek Kursus yang Paling dan Kurang Dapat Meningkatkan Pengetahuan dan Kemahiran Peserta Kursus BM

Bil.	Nama Kursus	Aspek paling dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran peserta		Aspek kurang dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran peserta	
1.	Komunikasi Berkesan	a.	Jenis-jenis Komunikasi	a.	Komunikasi profesional
		b.	Konsep penyediaan minit curai	b.	<i>Smart skill</i> dalam komunikasi
		c.	Format minit curai	c.	Masalah komunikasi dalam organisasi
2.	Pengucapan Awam	a.	Komponen pengucapan awam	a.	Penggunaan bahasa (retorik bahasa)
		b.	Dasar bahasa dan aplikasinya dalam pentadbiran awam	b.	Bahasa badan
		c.	Langkah-langkah dalam penyediaan teks ucapan	c.	Komunikasi efektif dan pengucapan awam berkesan
		d.	Penulisan teks ucapan dan penyampaian ucapan		
3.	Pengurusan Mesyuarat Berkualiti	a.	Prinsip penulisan minit mesyuarat	a.	Gaya bahasa dan penggunaan kata atau ayat minit mesyuarat
		b.	Format penulisan minit mesyuarat	b.	Tujuan mesyuarat
		c.	Tatasusila dan protokol mesyuarat	c.	Penggunaan bahasa dalam penulisan minit mesyuarat
		d.	Keahlian dan fungsi ahli mesyuarat	d.	Kategori mesyuarat
4.	Penulisan Surat Rasmi dan Memo	a.	Format penulisan memo	a.	Kata sapaan
		b.	Kesilapan umum ejaan dan tanda baca	b.	Kata ganti diri
		c.	Prinsip penulisan memo berkualiti berasaskan Prinsip 4C	c.	Bahasa tubuh
				d.	Rujukan hormat


10.4.2 Kursus Bahasa Inggeris

Tahap pencapaian pengetahuan dan kemahiran peserta kursus BI adalah seperti yang berikut:

a) Kursus *Effective Communication*

Terdapat perubahan yang signifikan dalam input pengetahuan dan kemahiran latihan selepas peserta kursus mengikuti Kursus *Effective Communication*. Lampiran 6 jelas menunjukkan kesemua enam-belas item yang berkaitan dengan pengetahuan dan kemahiran peserta sebelum dan selepas mengikuti kursus ini adalah signifikan ($p < 0.05$). Walau bagaimanapun, oleh sebab skor purata perbezaan min bagi enam-belas item tersebut adalah 1.64 (Lampiran 6), peningkatan pengetahuan dan kemahiran peserta kursus berada pada tahap 'Agak Tinggi' sahaja.


Rajah 10 memaparkan julat perbezaan min antara enam-belas item yang berkaitan dengan tahap pengetahuan dan kemahiran peserta sebelum dan selepas mengikuti Kursus *Effective Communication* adalah antara 1.40 dan 1.83. Yang paling dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran peserta termasuk aspek a) menulis surat menggunakan kosa kata dan perbendaharaan yang betul dalam BI ($\underline{M}$ =1.83); b) pengenalan kepada jenis-jenis surat ($\underline{M}$ =1.74); c) aspek mesyuarat berkesan ($\underline{M}$ =1.69); d) langkah-langkah penyediaan mesyuarat ($\underline{M}$ =1.69); dan e) penilaian persembahan ($\underline{M}$ =1.69). Yang kurang dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran peserta kursus ialah aspek a) pengenalan kepada pemimpin sebagai 'role model' ($\underline{M}$ =1.40); b) kepentingan Bahasa Inggeris sejajar dengan MBMMBI ($\underline{M}$ =1.50); c) protokol membuat panggilan dan menjawab telefon ($\underline{M}$ =1.50); dan d) menggunakan BI yang betul dan tepat dalam perbualan telefon ($\underline{M}$ =1.55).



b) Kursus *Management of English in School*

Berdasarkan Lampiran 7, kesemua empat-belas item yang berkaitan dengan pengetahuan dan kemahiran sebelum dan selepas mengikuti Kursus *Management of English in School* mempunyai nilai p yang kurang daripada .05 atau berada pada tahap signifikan. Ini bermakna terdapat perubahan yang signifikan dalam input pengetahuan dan kemahiran latihan selepas peserta mengikuti kursus tersebut. Tetapi disebabkan skor purata perbezaan min bagi dua-belas item tersebut adalah 2.14 (Lampiran 7), peningkatan pengetahuan dan kemahiran peserta kursus hanya berada pada tahap 'Agak Tinggi'.

Rajah 11 memaparkan julat perbezaan min antara empat-belas item yang berkaitan dengan tahap pengetahuan dan kemahiran peserta sebelum dan selepas menghadiri Kursus *Management of English in School* adalah antara 1.92 dan 2.73. Tiga aspek yang peserta kursus paling dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran ialah 1) mengikuti perkembangan terkini inovasi PdP Bahasa Inggeris ($\underline{M}$ =2.73); 2) pembentangan pelan tindakan ($\underline{M}$ =2.50); dan 3) menyediakan pelan tindakan khusus pada sekolah individu ($\underline{M}$ =2.29). Tiga aspek yang kurang dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran peserta kursus ialah 1) menyediakan pelan tindakan bagi memperkukuhkan Bahasa Inggeris secara umum ($\underline{M}$ =1.92); 2) aktiviti dalam PdP Bahasa Inggeris ($\underline{M}$ =1.94); dan 3) Dasar MBMMBI dan Transformasi Kurikulum ($\underline{M}$ =1.96).



c) Kursus *Professional Reading and Writing*


Pada keseluruhannya terdapat perubahan yang signifikan dalam input pengetahuan dan kemahiran latihan selepas peserta kursus mengikuti Kursus *Professional Reading and Writing*. Lampiran 8 jelas menunjukkan kesemua sembilan-belas item yang berkaitan dengan pengetahuan dan kemahiran peserta sebelum dan selepas mengikuti kursus ini adalah signifikan ($p < 0.05$). Namun disebabkan skor purata perbezaan min bagi sembilan-belas item tersebut adalah 1.94 (Lampiran 8),

peningkatan pengetahuan dan kemahiran peserta kursus hanya pada tahap 'Agak Tinggi'.

Rajah 12 memaparkan julat perbezaan min antara sembilan belas item yang berkaitan dengan tahap pengetahuan dan kemahiran peserta sebelum dan selepas menghadiri Kursus *Professional Reading and Writing* adalah antara 1.83 dan 2.10. Tiga aspek yang paling dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran peserta kursus ialah 1) teknik mengenali idea utama ($\underline{M}$ =2.10); 2) teknik membaca seimbis lalu ($\underline{M}$ =2.09); dan 3) teknik mengimbas ($\underline{M}$ =2.07). Tiga aspek yang kurang dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran peserta kursus ialah 1) kemahiran penulisan yang efektif ($\underline{M}$ =1.83); 2) ciri-ciri penulisan yang baik ($\underline{M}$ =1.84); dan 3) berkongsi intipati apa yang dibaca (M =1.85).


Jadual 7 merumuskan pula skor purata perbezaan min pengetahuan dan kemahiran peserta sebelum dan selepas mengikuti tiga kursus BI dengan mengikut kedudukannya. Kursus *Management of English in School* menduduki tempat yang paling tinggi dengan skor purata perbezaan min sebanyak 2.14. Ini diikuti dengan Kursus *Professional Reading and Writing* dengan skor purata perbezaan min sebanyak 1.94. Kursus *Effective Communication* berada di tempat yang terendah dengan skor purata perbezaan min sebanyak 1.64. Ini bererti antara tiga kursus BI, Kursus *Management of English in School* yang paling dapat menambahkan pengetahuan dan meningkatkan kemahiran peserta kursus. Ini diikuti dengan Kursus *Professional Reading and Writing* manakala Kursus *Effective Communication* merupakan kursus yang paling kurang menambahkan pengetahuan dan meningkatkan kemahiran peserta kursus. Rajah 13 memaparkan perbandingan julat perbezaan min pengetahuan dan kemahiran peserta sebelum dan selepas mengikuti tiga kursus BI tersebut dan kedudukannya.

Rajah 12. Perbandingan Min Input Pengetahuan dan Kemahiran Latihan Sebelum dan Selepas Mengikuti Kursus *Professional Reading and Writing*



Jadual 7. Skor Purata Perbezaan Min Pengetahuan dan Kemahiran Peserta Sebelum Dan Selepas Mengikuti Tiga Kursus BI Mengikut Kedudukan

Bil.	Nama Kursus	Skor Purata Perbezaan Min
1.	<i>Management of English in School</i>	2.14
2.	<i>Professional Reading and Writing</i>	1.94
3.	<i>Effective Communication</i>	1.64



Seterusnya, Jadual 8 merumuskan aspek yang paling dan kurang dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran peserta dalam ketiga-tiga kursus BI yang dikendalikan oleh pensyarah bahasa JBK IAB pada tahun 2014.

Jadual 8. Aspek-Aspek Kursus yang Paling dan Kurang Dapat Meningkatkan Pengetahuan dan Kemahiran Peserta Kursus BI

Bil.	Nama Kursus	Aspek paling dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran peserta	Aspek kurang dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran peserta
1.	<i>Management of English in School</i>	a. Mengikuti perkembangan terkini inovasi PdP Bahasa Inggeris b. Pembentangan pelan tindakan c. Menyediakan pelan tindakan khusus pada sekolah individu	a. Menyediakan pelan tindakan bagi memperkukuhkan Bahasa Inggeris secara umum b. Aktiviti dalam PdP Bahasa Inggeris c. Dasar MBMMBI dan Transformasi Kurikulum
2.	<i>Professional Reading and Writing</i>	a. Teknik mengenali idea utama b. Teknik membaca seimbab lalu c. Teknik mengimbab	a. Kemahiran penulisan yang efektif b. Ciri-ciri penulisan yang baik c. Berkongsi intipati apa yang dibaca
3.	<i>Effective Communication</i>	a. Menulis surat menggunakan kosa kata dan perbendaharaan yang betul dalam bahasa Inggeris b. Pengenalan kepada jenis-jenis surat c. Aspek mesyuarat berkesan d. Langkah-langkah penyediaan mesyuarat e. Penilaian persembahan	a. Pengenalan kepada pemimpin sebagai 'role model' b. Kepentingan Bahasa Inggeris sejajar dengan MBMMBI c. Protokol membuat panggilan dan menjawab telefon d. Mengguna BI yang betul dan tepat dalam perbualan telefon

Secara rumusannya, (1) pensyarah BM dan BI IAB kompeten dalam keenam-enam dimensi Model Kompetensi Pensyarah Bahasa IAB; (2) tidak terdapat banyak perbezaan antara turutan tahap pencapaian kompetensi pensyarah BM dan BI dalam enam dimensi Model Kompetensi Pensyarah Bahasa IAB; (3) pensyarah BM dan BI sama-sama mencapai skor min yang paling tinggi dalam dimensi *Kemahiran Berbahasa*; (4) pensyarah BM dan BI juga mencapai skor min yang paling rendah dalam dimensi *Kepelbagaian Kaedah*; (5) selepas mengikuti empat kursus BM dan tiga kursus BI masing-masing, terdapat perubahan yang signifikan dalam input pengetahuan dan kemahiran latihan peserta; (6) peningkatan pengetahuan dan kemahiran peserta dalam ketujuh-tujuh kursus yang diikuti adalah pada tahap 'Agak Tinggi'; (7) antara empat kursus BM, Kursus Komunikasi Berkesan yang paling dapat menambahkan pengetahuan dan meningkatkan kemahiran peserta kursus. Ini diikuti dengan Kursus Pengucapan Awam dan Kursus Pengurusan Mesyuarat Berkualiti. Kursus Penulisan Surat Rasmi dan Memo merupakan kursus yang paling kurang menambahkan pengetahuan dan meningkatkan kemahiran peserta; dan (8) antara tiga kursus BI, Kursus *Management of English in School* yang paling dapat menambahkan pengetahuan dan meningkatkan kemahiran peserta kursus. Ini diikuti dengan *Kursus Professional Reading and Writing* manakala *Kursus Effective*

Communication merupakan kursus yang paling kurang menambahkan pengetahuan dan meningkatkan kemahiran peserta kursus.

11.0 PERBINCANGAN

11.1 Pensyarah BM dan BI Kompeten Dalam Enam Dimensi Model Kompetensi Pensyarah Bahasa IAB

Dapatan kajian yang pertama menunjukkan bahawa sama ada pensyarah BM mahupun pensyarah BI IAB adalah kompeten dalam keenam-enam dimensi Model Kompetensi Pensyarah Bahasa IAB. Pertama, pensyarah bahasa IAB adalah kompeten dalam dimensi *Kepelbagaian Kaedah*. Ini bererti mereka berkemahiran mereka bentuk latihan yang bersesuaian dengan kepelbagaian latar belakang peserta, menjalankan pelbagai aktiviti mengikut keupayaan peserta dan melaksanakan intervensi dalam sesi latihan (JBK, 2013).

Seperti yang dicadangkan oleh Chew (2011) dan *New Mexico Teacher Competencies* (2013), tenaga pengajar yang kompeten dalam dimensi *Kepelbagaian Kaedah* berupaya mereka bentuk latihan yang selaras dengan latar belakang peserta kursus yang berbeza. Perkara ini seiring dengan pendapat Berliner (2005) bahawa tenaga pengajar yang cemerlang berkemahiran menggunakan pelbagai pendekatan yang bersesuaian dengan keperluan peserta. Penglibatan semua peserta secara aktif dalam pembelajaran boleh dicapai melalui pemilihan aktiviti dan bahan yang relevan dengan kepelbagaian latar belakang mereka.

Rosadah Mahmud dan Khadijah Hussein (2001) pernah mengatakan kepelbagaian aktiviti berdasarkan keupayaan peserta dapat membantu peserta lambat tidak terus tertinggal dalam pelajaran dan peserta yang cepat masih dapat mengekalkan minat dalam sesi latihan. Sejajar dengan dapatan kajian ini yang menunjukkan pensyarah bahasa IAB kompeten dalam dimensi *Kepelbagaian Kaedah*, bererti pensyarah bahasa IAB telah mempelbagaikan aktiviti dalam sesi latihan untuk membantu peserta selaras dengan keupayaan setiap individu. Keupayaan pensyarah dalam mempelbagaikan aktiviti ini dapat merangsang penglibatan aktif peserta dalam sesi latihan dengan melaksanakan pelbagai aktiviti

latihan seperti sumbang saran, perbincangan, kerja kumpulan, simulasi, pembentangan atau persembahan.

Pensyarah bahasa IAB juga kompeten dalam melaksanakan intervensi dalam sesi latihan. Kemahiran ini adalah penting kerana intervensi dalam PdP dapat membantu peserta mencapai tahap pengetahuan yang dikehendaki selaras dengan objektif PdP. Pencapaian pensyarah bahasa IAB ini adalah seiring dengan pendapat Gordon (1994) bahawa intervensi dalam PdP adalah tindakan yang dirancang untuk membantu peserta melonjak dari tahap pengetahuan semasa ke tahap pengetahuan yang dihasratkan. Kemungkinan besar dalam melaksanakan intervensi secara berkesan, pensyarah bahasa IAB juga telah dapat mengenal pasti punca masalah yang dihadapi oleh peserta dan mendapatkan maklumat yang mencukupi berkaitan masalah itu seperti yang disarankan oleh Komeen dan Pameijer (2007) agar dapat melaksanakan intervensi secara terancang dan terperinci.

Kedua, pensyarah bahasa IAB mencatatkan prestasi yang menggalakkan dalam dimensi *Kemahiran Berbahasa*. Ini menunjukkan bahawa pensyarah bahasa IAB telah menggunakan bahasa yang sopan, bahasa pertuturan yang mudah difahami dan bahasa standard dalam penyampaian sesi latihan (JBK, 2013). Dalam penggunaan bahasa yang sopan, kemungkinan besar pensyarah bahasa IAB telah menggunakan bahasa yang halus dan menepati tujuan penggunaannya, lemah lembut serta tidak menyinggung perasaan peserta. Ini sejajar dengan pandangan Awang Sariyan (2007) dalam menghuraikan penggunaan bahasa sopan. Menggunakan bahasa sopan penting dalam penyampaian sesi latihan kerana ini dapat mengelakkan konflik dalam kalangan peserta dan pensyarah serta dapat menjaga perasaan masing-masing.

Pensyarah bahasa IAB juga menggunakan bahasa pertuturan yang mudah difahami dalam penyampaian sesi latihan. Seperti yang disarankan oleh Ding (2005) bahawa penggunaan bahasa sedemikian membolehkan penyampai dan pendengar berinteraksi antara satu sama lain dan segala maklumat yang ingin disampaikan boleh difahami dan diterima oleh pendengar. Dalam konteks kajian ini bererti pensyarah bahasa IAB berjaya mengelakkan penggunaan bahasa yang sukar difahami atau mudah disalah tafsir oleh peserta kursus.

Pensyarah bahasa IAB juga menggunakan bahasa standard dalam penyampaian sesi latihan. Ini bermaksud pensyarah bahasa IAB telah menggunakan

bahasa mengikut sistem bahasa yang betul dari segi ejaan, morfologi dan sintaksis seperti yang ditekankan oleh Marzhan (2010). Mereka tidak menggunakan bahasa rojak, bahasa slanga mahupun bahasa pijin. Secara tidak langsung pensyarah bahasa IAB telah memartabatkan bahasa dan memelihara keutuhan bahasa dalam sesi latihan yang dilaksanakan di IAB.

Ketiga, dapatan kajian juga menunjukkan pensyarah bahasa IAB kompeten dalam dimensi *Pengurusan Peralatan dan Ruang*. Dengan kata lain, pensyarah bahasa IAB kompeten dalam memastikan susun letak peralatan yang sesuai dengan keperluan aktiviti dan memastikan semua peralatan untuk tujuan PdP berfungsi dengan baik (JBK, 2013). Dalam memastikan susun letak peralatan yang sesuai dengan keperluan aktiviti, pensyarah bahasa IAB berkemampuan menyediakan bahan bantu mengajar dan ruang untuk aktiviti yang boleh mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif seperti yang ditekankan oleh Hoy dan Weinstein (2006). Keadaan ini telah memastikan perjalanan sesi latihan menjadi mudah dan lancar kerana peserta dapat memberikan tumpuan sepenuhnya. Dengan itu, pensyarah bahasa IAB juga dapat membuat pemantauan secara berterusan dan berkesan. Perkara tersebut telah ditekankan oleh Evertsin, Emner, dan Worshom (2003) semasa membincang tentang kepentingan penyusunan persekitaran fizikal terhadap keberkesanan PdP di dalam bilik darjah.

Pensyarah bahasa IAB juga telah dapat memastikan semua peralatan untuk tujuan PdP berfungsi dengan baik. Peralatan di dalam bilik kuliah seperti alatan multi-media, LCD, penghawa dingin, pembesar suara dan lain-lain telah dipastikan keberfungsian sebelum sesi latihan dijalankan. Selain itu, tindakan pensyarah bahasa IAB bagi memastikan keselamatan peralatan eletrik juga telah mengelakkan sebarang kejadian yang boleh mengganggu sesi latihan daripada berlaku. Persediaan peralatan dan keberfungsian membolehkan sesi latihan dijalankan tanpa sebarang halangan. Ekoran dari itu, pengurusan masa sesi latihan yang cekap dapat dipastikan. Pandangan Evertsin, Emner, dan Worshom (2003) menyokong dapatan kajian ini iaitu persediaan peralatan tanpa sebarang kecacatan dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang selamat dan berkesan. Situasi ini membolehkan pensyarah bahasa IAB lebih bersedia dan yakin dalam penyampaian sesi latihan.

Keempat, pensyarah bahasa IAB juga kompeten dalam dimensi *Peningkatan Potensi Peserta*. Ini bererti mereka berkemahiran mewujudkan peluang untuk

meningkatkan kemampuan peserta, memfasilitasi sesi latihan untuk membangunkan keupayaan peserta, menimbulkan keaktifan pada diri peserta agar bersedia untuk belajar dan menyedarkan peserta kepentingan peningkatan keupayaan diri dalam menjalankan tugas (JBK, 2013).

Pensyarah bahasa IAB berkemahiran mewujudkan peluang untuk meningkatkan kemampuan peserta. Misalnya, untuk menggalakkan penglibatan peserta dalam sesi latihan, soalan kognitif aras rendah dan aras tinggi ditujui kepada peserta mengikut kemampuan mereka masing-masing seperti yang disarankan oleh Wilen (1995) dan Onosko dan Newman (1994). Setiap peserta juga diberikan peluang memberi pendapat dalam perbincangan supaya mereka dapat berkongsi idea dan belajar antara satu sama lain sebagaimana yang dijelaskan oleh Ashari Sikor dan rakan-rakan (2011). Selain itu, kemungkinan besar pensyarah bahasa IAB juga dapat mewujudkan peluang untuk meningkatkan kemampuan peserta melalui pembelajaran secara kolaboratif. Seperti yang dicadangkan oleh Cooper dan Robinson (2008), peserta digalakkan mengambil bahagian secara berkumpulan untuk menyediakan tugas yang diberi dan bekerjasama untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi serta menghasilkan produk. Dengan itu, pensyarah dapat mencungkil potensi peserta secara optima.

Bagi meningkatkan potensi peserta, pensyarah bahasa IAB juga mahir memfasilitasi sesi latihan secara berkesan bagi membantu peserta mengikuti pembelajaran dengan lebih mudah, selesa dan produktif. Tambahan pula, pensyarah bahasa IAB juga kompeten mengumpul maklumat yang cukup tentang gaya pembelajaran peserta. Dengan maklumat yang ada, pensyarah bahasa IAB dapat membuat persediaan awal tentang kaedah sesi latihan yang akan dijalankan berdasarkan sasaran peserta.

Pensyarah bahasa IAB yang kompeten dalam *Peningkatan Potensi Peserta* bermaksud juga mereka dapat menimbulkan keaktifan peserta agar bersedia untuk belajar dalam sesuatu sesi latihan. Bagi tujuan tersebut, pensyarah bahasa IAB berkemampuan mengumpul data tentang tahap kesediaan, keperluan dan keinginan peserta seperti yang disarankan oleh Bomia dan rakan-rakan (1997). Usaha sedemikian dapat menggalakkan peserta mengambil bahagian secara aktif dalam sesi latihan. Apabila peserta aktif dan bersedia untuk belajar, dengan hati terbuka mereka sudi menerima kandungan latihan yang disampaikan oleh pensyarah. Ini menyebabkan perkongsian pengetahuan dapat berlaku dalam kalangan peserta.

Selain itu, pensyarah bahasa IAB juga kompeten menjalin hubungan baik dengan peserta sebelum sesi latihan berlangsung. Ini selari dengan pendapat Jones (2008) dan Mayer dan Turner (2006) bahawa hubungan yang akrab antara pensyarah dan peserta merupakan prasyarat yang dapat meningkatkan keterlibatan peserta dalam sesi latihan.

Usaha meningkatkan potensi peserta juga termasuk menyedarkan peserta kepentingan peningkatan keupayaan diri untuk menjalankan tugas dan peranan sebagai pemimpin sekolah. Bagi mencapai tujuan tersebut, pensyarah bahasa IAB berkemampuan menanamkan kefahaman peserta tentang konsep sendiri. Misalnya, kemungkinan besar pensyarah bahasa IAB dapat mewujudkan peluang yang sesuai dalam sesi latihan untuk peserta mengesan kekuatan dan kelemahan sendiri melalui proses membuat refleksi. Sebagaimana yang dijelaskan oleh Rogers (1950), individu yang mengetahui kekuatan dan kelemahan sendiri biasanya tahu dan cuba menyusun strategi untuk meningkatkan potensi diri. Tugas pensyarah bahasa IAB tersebut amat penting memandangkan IAB merupakan institusi latihan yang bertanggungjawab membangunkan kapasiti pemimpin pendidikan di Malaysia dalam bidang kepimpinan dan pengurusan pendidikan. Kesedaran yang dipupuk itu harap dapat membantu peserta membangunkan institusi pendidikan yang mereka bertugas secara berkesan dan berterusan.

Kelima, pensyarah BM dan BI juga mencatatkan prestasi memberangsangkan dalam dimensi *Kreatif dan Inovatif*. Ini bererti wujudnya amalan-amalan seperti menggunakan kreativiti untuk mereka bentuk sesi latihan yang menarik, menggalakkan pemikiran kritis dalam kalangan peserta, memberi peluang kepada peserta untuk menggunakan daya kreativiti dan menyediakan pelbagai pilihan untuk peserta menyelesaikan masalah (JBK, 2013).

Pensyarah bahasa IAB telah berusaha menggunakan kreativiti untuk mereka bentuk sesi latihan yang menarik. Ini adalah selaras dengan definisi “pengajaran kreatif” sebagaimana yang disarankan oleh Morris (2006) iaitu penggunaan pendekatan imaginatif untuk membuat pembelajaran lebih menarik, lebih banyak penglibatan, lebih mengujakan dan lebih efektif sekaligus mampu mengembangkan minda dan tingkah laku kreatif dalam kalangan peserta. Selain itu, ini turut mencerminkan terdapat amalan inovatif seperti yang didefinisikan oleh Bocconi dan kawan-kawan (2012) iaitu kolaborasi, personalisasi, pembelajaran aktif dan

keusahawanan yang merangsang pembelajaran kreatif dipraktikkan dalam sesi latihan.

Pemikiran kritis dilihat amat relevan dengan keperluan kontemporari dalam era yang penuh dengan perubahan ini (JBK, 2013). Kompetensi ini merupakan seni menganalisis dan menilai pemikiran dengan pandangan untuk memajukan sesuatu (Paul dan Eder, 2007). Dalam konteks ini, para pensyarah bahasa IAB didapati menggalakkan amalan pemikiran kritis dalam kalangan peserta. Sebagai contoh, mereka berkemampuan menjalankan aktiviti yang melibatkan perbandingan, penganalisaan, penilaian dan sintesis input-input perbincangan semasa sesi latihan. Kemahiran intelektual ini penting kerana kompetensi ini mengupayakan seseorang peserta berhadapan dan menyelesaikan masalah di sekolah secara berkesan. Sebenarnya, Shakirova (2007) pernah menekankan kemahiran tersebut dapat membolehkan seseorang berhadapan dengan masalah sosial, saintifik dan praktik secara berkesan. Usaha ini perlu diteruskan agar para pemimpin sekolah mempunyai pemikiran kritis yang dapat membantu mereka menyelesaikan masalah dalam operasi harian sekolah yang penuh dengan perubahan ini.

Di samping itu, konotasi kajian juga menunjukkan bahawa pensyarah bahasa IAB memberi peluang kepada peserta untuk menggunakan daya kreativiti dengan mengaplikasikan teknik menggalakkan kreativiti yang disarankan oleh Stephens (2004). Dengan kata lain, pensyarah bahasa IAB cuba menekankan aspek-aspek seperti pemupukan perasaan ingin tahu, rangsangan pemikiran imaginatif, pengupayaan explorasi ilmu dan pemupukan sikap keterbukaan terhadap pandangan yang berbeza-beza. Sekiranya dikaitkan dengan dapatan daripada Ofsted (2010), kaedah ini dilihat sinonim dengan usaha mempromosikan pembelajaran kreatif dalam PdP harian di sekolah-sekolah. Oleh hal yang demikian, semua pensyarah bahasa IAB perlu terus menjadikan penggunaan daya kreativiti ini sebagai salah satu asas andragogi dalam konteks latihan kepada kalangan peserta kursus.

Pensyarah yang kompeten dalam dimensi *Kreatif dan Inovatif* perlu menyediakan pelbagai pilihan untuk peserta dalam penyelesaian masalah kerana dunia pendidikan sememangnya tidak sunyi daripada permasalahan. Justeru, para pemimpin sekolah perlu dilatih untuk mengenal pasti punca masalah, meninjau pelbagai alternatif dengan teliti, membuat penilaian yang bersangkut paut dengan matlamat organisasi, dan menilai hasil penyelesaian masalah (JBK, 2013). Merujuk

kepada definisi “kreativiti” oleh Naiman (2014), ini bermakna para pensyarah bahasa IAB mampu mengoptimumkan sesi latihan yang dikendalikan dengan mengaplikasikan proses mencari pola tersembunyi dan menghubungkan pelbagai fenomena yang kelihatan tidak berkaitan sebelum menjana pelbagai pilihan penyelesaian kepada permasalahan yang diketengahkan oleh para peserta kursus. Penyediaan pelbagai pilihan untuk peserta dalam penyelesaian masalah ini adalah penting kerana pemimpin yang dinamik perlu arif dalam menyelesaikan masalah.

Keenam, pensyarah bahasa IAB adalah kompeten dalam melaksanakan *Penilaian Berkualiti* dalam sesi latihan yang dikendalikan. Kompetensi pensyarah dalam melaksanakan penilaian berkualiti dilihat melalui pelaksanaan penilaian secara objektif, penggunaan instrumen penilaian yang dapat menilai perkara yang dinilai, pelaksanaan penilaian mengikut langkah-langkah yang ditentukan dan melaksanakan penilaian berdasarkan data yang dikumpulkan.

Pensyarah bahasa IAB dapat melaksanakan penilaian secara objektif. Mereka menjalankan penilaian secara berterusan sepanjang kursus dijalankan. Penilaian dibuat berdasarkan hasil kerja, peningkatan kemahiran dalam kalangan peserta dan pemerhatian terhadap perubahan tingkah laku. Mereka dapat menilai prestasi peserta kursus dengan berdasarkan fakta, secara adil dan saksama serta tidak mengikut perasaan atau bias meskipun hubungan pensyarah dengan peserta kursus adalah akrab. Ini selaras dengan pandangan Kirkpatrick dan Kirkpatrick (2006) yang menekankan keobjektifan merupakan ciri penting dalam penilaian.

Pensyarah bahasa IAB juga menggunakan instrumen penilaian yang dapat menilai perkara yang hendak dinilai dalam sesi latihan. Ini bererti instrumen penilaian yang digunakan oleh pensyarah bahasa IAB dapat menilai pencapaian yang digariskan dalam objektif kursus khususnya berkaitan tujuan dan kandungan program latihan. Ini sejajar dengan pandangan Topno (2012) iaitu kedua-dua elemen tersebut merupakan fokus utama dalam penilaian keberkesanan program latihan.

Pada masa yang sama pensyarah bahasa IAB juga dapat melaksanakan penilaian mengikut langkah-langkah yang ditetapkan. Seperti yang dicadangkan oleh Janet Wall (n.d), terdapat sembilan langkah untuk menjalankan penilaian yang berkualiti. Ini bermula dengan penetapan tujuan, diikuti dengan penetapan skop penilaian, penetapan soalan berkaitan perkara yang hendak diketahui, seterusnya

reka bentuk penilaian, cara pengumpulan data, mengumpul data, menganalisis data, mendokumentasikan dan menyebarkan data yang telah dianalisis, dan akhir sekali mendapatkan maklum balas untuk tujuan penambahbaikan. Apabila pensyarah bahasa IAB mengikut prosedur tersebut untuk melaksanakan penilaian dalam sesi latihan, ini bermakna mereka dapat menjalankan penilaian yang berkualiti dan boleh dipercayai.

Pensyarah bahasa IAB juga berkemampuan melaksanakan penilaian berdasarkan data yang dikumpulkan dalam sesi latihan. Data itu berada dalam bentuk kuantitatif atau kualitatif. Ini bermaksud pensyarah bahasa IAB dapat mengumpul pelbagai jenis data yang membolehkan mereka mengenal pasti punca masalah dalam sesi latihan dan seterusnya mengesan kemajuan peserta. Berdasarkan data yang dikumpulkan itu, pensyarah bahasa IAB boleh membuat keputusan yang lebih tepat tentang bagaimana mengadakan penambahbaikan dan meningkatkan keberkesanan latihan. Seperti yang dinyatakan oleh Barneveld (2008), berdasarkan data yang komprehensif ini, seseorang tenaga pengajar boleh membina pelan tindakan yang dapat membawa impak pembelajaran positif dan memanfaatkan peserta kursus secara keseluruhannya.

11.2 Turutan Tahap Pencapaian Kompetensi Pensyarah Bahasa

Dapatan kajian yang kedua menunjukkan bahawa tidak terdapat banyak perbezaan antara dalam turutan tahap pencapaian kompetensi pensyarah BM dan BI dalam enam dimensi Model Kompetensi Pensyarah Bahasa IAB. Dapatan kajian ini merupakan satu dapatan yang logik. Ini disebabkan kedua-dua pensyarah BM dan BI yang berada di sebuah jabatan yang sama, iaitu JBK didedahkan dengan program pembangunan profesional yang lebih kurang sama sepanjang masa mereka berkhidmat di IAB. Lebih-lebih lagi, pensyarah JBK sentiasa digalakkan bantu-membantu antara satu sama lain untuk melengkapi diri dengan kompetensi yang sewajarnya. Jadi, sekiranya pensyarah mendapati diri kurang kompeten dalam sesuatu bidang, mereka digalakkan belajar daripada rakan sejawat untuk sama-sama menguasai kompetensi itu demi dapat menjalankan tugas dan peranan secara berkesan dan cemerlang. Jadi, perbezaan yang besar tidak dapat dikesan antara pensyarah BM dan BI dalam turutan tahap pencapaian keenam-enam dimensi Model Kompetensi Pensyarah Bahasa IAB.

11.3 Pencapaian Skor Min Yang Paling Tinggi Dalam Dimensi *Kemahiran Berbahasa*

Dapatan kajian yang ketiga menunjukkan bahawa kedua-dua pensyarah BM dan BI IAB mencapai skor min yang paling tinggi dalam dimensi *Kemahiran Berbahasa*. Ini bererti secara perbandingan, *Kemahiran Berbahasa* merupakan dimensi yang paling dapat dikuasai oleh pensyarah bahasa IAB. Dengan kata lain, pensyarah bahasa IAB mempunyai kemahiran berbahasa yang tinggi. Sebenarnya pensyarah yang terlibat dalam latihan bahasa di IAB mempunyai pengkhususan dalam bidang berkenaan. Sebanyak 83% pensyarah BM dan 100% pensyarah BI JBK mendapat latihan formal dalam bidang bahasa (JBK, 2014). Latihan pengkhususan dalam bidang bahasa ini menyediakan pensyarah dengan pengetahuan dan kemahiran berbahasa. Oleh itu pengetahuan dan kemahiran kebahasaan seperti penguasaan bahasa standard, penggunaan laras bahasa yang sesuai dan kesantunan dalam berbahasa dapat dikuasai dengan baik oleh pensyarah bahasa BM dan BI IAB.

Selain itu, semua pensyarah BM dan BI JBK juga mempunyai sekurang-kurangnya 10 tahun pengalaman mengajar dalam bidang bahasa sebelum menjadi sebagai pensyarah di IAB (JBK, 2014). Pengalaman yang luas dalam bidang masing-masing menyebabkan pensyarah dapat menguasai dan mengukuhkan kemahiran berbahasa secara tekak. Ini menjadi asas kukuh dan memberi keyakinan tinggi kepada pensyarah dalam menyampaikan sesi latihan bahasa di IAB. Kemahiran korpus bahasa yang mantap dapat membantu pensyarah meningkatkan kemahiran peserta dalam bidang berkaitan secara berkesan.

Di samping itu, pensyarah bahasa IAB juga mengikuti latihan pembangunan profesional dalam bidang bahasa secara berkala dan berterusan. Misalnya, pada peringkat awal, setiap pensyarah baharu IAB perlu melalui latihan pembangunan profesional iaitu Kursus Induksi. Ini diikuti dengan aktiviti *Understudy*, *Team Teaching* dan Program *Training of Trainer*. Usaha tersebut bertujuan memastikan setiap pensyarah menguasai kompetensi yang diperlukan dalam bidang masing-masing. Reka bentuk latihan yang menepati keperluan pensyarah dalam bidang berkenaan telah dapat meningkatkan keupayaan pensyarah dalam menjalankan tugas. Hal ini selaras dengan pandangan Rick dan kawan-kawan (1995) iaitu, latihan yang direka bentuk berkait dengan tugas akan dapat mempertingkatkan kemahiran

sedia ada seseorang. Tidak dapat dinafikan ini dapat membantu pensyarah bahasa JBK mempertingkatkan ketrampilan berbahasa semasa menyampaikan sesi latihan.

11.4 Pencapaian Skor Min Yang Paling Rendah Dalam Dimensi *Kepelbagaian Kaedah*

Dapatan kajian yang keempat menunjukkan bahawa kedua-dua pensyarah BM dan BI IAB mencapai skor min yang paling rendah dalam dimensi *Kepelbagaian Kaedah*. Disebabkan punca masalah tersebut dapat diterangkan dengan lebih jelas berdasarkan data ketujuh-tujuh kursus yang dikumpulkan, dapatan ini dibincangkan secara terperinci dalam Bahagian 11.6 hingga 11.8.

11.5 Input Pengetahuan Dan Kemahiran Peserta Kursus

Dapatan kajian yang kelima menunjukkan bahawa selepas mengikuti kursus BM atau kursus BI, terdapat perubahan yang signifikan dalam input pengetahuan dan kemahiran latihan peserta. Ini bererti kursus bahasa sama ada kursus BM atau BI yang dikendalikan oleh JBK IAB dapat menambahkan pengetahuan dan meningkatkan kemahiran peserta. Dapatan kajian ini adalah wajar memandangkan pensyarah bahasa IAB adalah terlatih dan berpengalaman dalam bidang bahasa seperti yang dibincangkan dalam Bahagian 11.1 dan 11.3. Dapatan kajian ini juga menunjukkan IAB sebagai institusi pendidikan yang bertanggungjawab membangunkan kapasiti pemimpin pendidikan di semua peringkat KPM, sentiasa cuba melestarikan kualiti sesi latihan dari semasa ke semasa. Justeru, untuk tujuan tersebut, pensyarah bahasa perlu memberi keutamaan kepada pengukuhan kompetensi yang cemerlang itu secara berterusan.

11.6 Tahap Peningkatan Pengetahuan Dan Kemahiran Peserta Kursus

Seperti yang dimaklumkan bahawa untuk menjelaskan tahap peningkatan pengetahuan dan kemahiran peserta secara eksplisit, terdapat tiga tahap peningkatan pengetahuan dan kemahiran dalam analisis kajian ini iaitu tahap 'Sangat Tinggi', 'Tinggi' dan 'Agak Tinggi' (Jadual 3). Dapatan kajian keenam menunjukkan bahawa peningkatan pengetahuan dan kemahiran peserta dalam

ketujuh-tujuh kursus yang diikuti adalah pada tahap 'Agak Tinggi' sahaja. Antara tiga tahap peningkatan pengetahuan dan kemahiran, tahap 'Agak Tinggi' merupakan tahap peningkatan pengetahuan dan kemahiran yang paling rendah. Dengan kata lain, terdapat ruang penambahbaikan bagi pensyarah bahasa IAB untuk meningkatkan lagi pengetahuan dan kemahiran peserta kursus.

Dapatan kajian yang menunjukkan bahawa peningkatan pengetahuan dan kemahiran peserta dalam ketujuh-tujuh kursus yang diikuti adalah pada tahap 'Agak Tinggi' sahaja boleh diteliti berdasarkan perbezaan min antara skor pengetahuan dan kemahiran peserta sebelum dan selepas mengikuti kursus. Fenomena 'Agak Tinggi' ini berlaku disebabkan perbezaan min antara skor pengetahuan dan kemahiran peserta sebelum dan selepas mengikuti ketujuh-tujuh kursus itu adalah 'kecil'. Sebenarnya sekiranya perbezaan min antara skor pengetahuan dan kemahiran sebelum dan selepas mengikuti kursus-kursus itu adalah 'besar', maka tahap peningkatan pengetahuan dan kemahiran peserta akan berada pada tahap 'Tinggi' atau 'Sangat Tinggi'.

Dengan kata lain, yang menentukan 'kecil' atau 'besar' perbezaan min ialah 'rendah' atau 'tinggi' skor pengetahuan dan kemahiran peserta sebelum dan selepas mengikuti kursus. Dengan skor pengetahuan dan kemahiran peserta selepas mengikuti kursus yang konstan (misalnya 6), jika skor pengetahuan dan kemahiran peserta sebelum mengikuti kursus adalah rendah (misalnya 2), perbezaan min akan menjadi 'besar' ($6-2=4$); namun jika skor pengetahuan dan kemahiran peserta sebelum mengikuti kursus adalah tinggi (misalnya 4), perbezaan min akan menjadi 'kecil' ($6-4=2$).

Manakala, dengan skor pengetahuan dan kemahiran peserta sebelum mengikuti kursus yang konstan (misalnya 2), jika skor pengetahuan dan kemahiran peserta selepas mengikuti kursus adalah rendah (misalnya 3), perbezaan min akan menjadi 'kecil' ($3-2=1$); tetapi jika skor pengetahuan dan kemahiran peserta selepas mengikuti kursus adalah tinggi (misalnya 5), perbezaan min akan menjadi 'besar' ($5-2=3$). Dalam konteks kajian ini, antara kedua-dua jenis skor tersebut, skor pengetahuan dan kemahiran peserta sebelum mengikuti kursus dijadikan fokus perbincangan yang selanjutnya.

Biasanya, dalam penggubalan modul latihan, terdapat dua perkara yang perlu diberikan perhatian oleh penggubal. Pertama, tahap pengetahuan dan kemahiran peserta sebelum mengikuti kursus atau juga dikenali sebagai tahap kesediaan

peserta. Kedua, tahap pengetahuan dan kemahiran yang digariskan dalam modul latihan. Tahap pengetahuan dan kemahiran ini biasanya digariskan sejajar dengan keperluan peserta kursus. Kedua-dua jenis tahap pengetahuan dan kemahiran tersebut mempunyai hubungan yang rapat. Lazimnya berdasarkan tahap pengetahuan dan kemahiran yang sedia ada pada peserta, penggubal menentukan tahap pengetahuan dan kemahiran kandungan modul latihan yang sejajar dengan keperluan peserta kursus.

Tujuan peserta mengikuti sesuatu kursus adalah untuk mempelajari pengetahuan dan kemahiran baharu. Tidak dapat dinafikan bahawa pengetahuan dan kemahiran lama peserta merupakan landasan untuk mereka menjana pengetahuan dan kemahiran baharu. Tetapi hanya pengetahuan dan kemahiran baharu akan membawa nilai tambah kepada peserta. Sehubungan ini, tahap pengetahuan dan kemahiran dalam sesebuah modul latihan biasanya digariskan lebih tinggi daripada tahap kesediaan peserta. Dengan itu, selepas mengikuti kursus, peserta dapat memperoleh pengetahuan dan kemahiran baharu yang membawa nilai tambah kepada mereka. Tahap pengetahuan dan kemahiran modul latihan seperti ini dikatakan sejajar dengan keperluan peserta kursus.

Manakala, jika tahap kesediaan peserta lebih tinggi daripada tahap pengetahuan dan kemahiran yang digariskan dalam sesebuah modul latihan, ini bererti modul latihan itu mempunyai banyak pengetahuan dan kemahiran yang telah dikuasai oleh peserta sebelum mereka mengikuti kursus berkenaan. Modul latihan seperti ini tidak dapat memenuhi keperluan peserta kerana tidak membawa nilai tambah kepada mereka walaupun mereka mengikuti kursus itu. Tahap pengetahuan dan kemahiran modul latihan seperti ini dikatakan tidak sejajar dengan keperluan peserta kursus.

Jika diperhatikan dengan teliti, didapati kebanyakan peserta yang mengikuti tujuh kursus yang dikendalikan oleh JBK IAB telah menilai tahap kesediaan mereka sebelum mengikuti kursus dengan skor antara tiga hingga lima (Rajah 5 hingga 8; Rajah 10 hingga 12). Sekiranya peserta menilai tahap kesediaan mereka dengan skor 'tiga', ini bermaksud sebelum peserta mengikuti kursus itu, mereka telah menguasai 50% ($[3 \times 100] \div 6$) daripada pengetahuan dan kemahiran kursus berkenaan. Manakala peserta yang menilai tahap kesediaan mereka dengan skor 'lima' bererti mereka telah menguasai 83.33% ($[5 \times 100] \div 6$) daripada pengetahuan dan kemahiran kursus itu. Dengan sebanyak 50% hingga 83.33% pengetahuan dan

kemahiran telah dikuasai oleh peserta sebelum mereka mengikuti kursus-kursus itu, ini menunjukkan tahap kesediaan peserta adalah lebih tinggi daripada tahap pengetahuan dan kemahiran yang digariskan dalam ketujuh-tujuh modul latihan kursus-kursus tersebut.

Dengan skor kesediaan peserta yang begitu tinggi, maka tidak hairanlah mengapa perbezaan min antara skor kesediaan peserta sebelum dan selepas mengikuti kursus adalah kecil. Ringkasnya, dengan mengandungi 50% hingga 83.33% pengetahuan dan kemahiran yang telah dikuasai oleh peserta kursus, jelasnya, tahap pengetahuan dan kemahiran ketujuh-tujuh modul latihan itu telah digariskan tidak sejajar dengan keperluan peserta kursus. Ketujuh-tujuh modul latihan tersebut merupakan modul latihan yang tidak dapat membawa nila tambah yang banyak kepada peserta kursus.

Akibatnya, kemungkinan besar aktiviti yang berdasarkan pemilihan bahan yang tidak relevan dengan keupayaan peserta tentu tidak dapat melibatkan semua peserta secara aktif dalam pembelajaran. Misalnya, peserta yang telah menguasai pengetahuan dan kemahiran itu tentu merasa bosan (Rosadah Mahamuud dan Khadijah Hussein, 2002). Ini sebenarnya merupakan sebab utama yang menyebabkan tahap peningkatan pengetahuan dan kemahiran peserta untuk ketujuh-tujuh kursus tersebut berada pada tahap 'Agak Tinggi' sahaja.

Sekiranya dilihat dari sudut lain, fenomena bahawa peningkatan pengetahuan dan kemahiran peserta kursus hanya berada pada tahap 'Agak Tinggi' sebenarnya mempunyai hubungan rapat dengan dapatan kajian ketiga iaitu pensyarah BM dan BI mencapai skor min yang paling rendah dalam dimensi *Kepelbagaian Kaedah*. Seperti yang dimaklumkan bahawa dimensi *Kepelbagaian Kaedah* merangkumi tiga aspek penting iaitu (1) mereka bentuk latihan berdasarkan latar belakang peserta yang berbeza; (2) menjalankan aktiviti berdasarkan keupayaan peserta yang berbeza; dan (3) mengadakan intervensi berdasarkan keperluan PdP yang berbeza (JBK, 2013). Ringkasnya, pensyarah yang mahir dalam ketiga-tiga aspek tersebut dapat menyediakan modul latihan yang sejajar dengan keupayaan dan keperluan peserta.

Realitinya, pensyarah BM dan BI IAB mencapai skor min yang paling rendah dalam ketiga-tiga aspek tersebut. Ini bererti masih terdapat ruang penambahbaikan bagi pensyarah bahasa IAB untuk mempertingkatkan ketiga-tiga aspek tersebut.

Konotasi analisis ini adalah logik memandangkan perbincangan sebelum ini telah menunjukkan bahawa tahap kesediaan peserta adalah lebih tinggi daripada tahap pengetahuan dan kemahiran peserta yang digariskan dalam ketujuh-tujuh modul latihan. Dengan kata lain, modul latihan yang disediakan oleh pensyarah bahasa IAB mengandungi banyak pengetahuan dan kemahiran yang telah dikuasai oleh peserta kursus sebelum mereka mengikuti kursus.

11.7 Kursus BM dan Peningkatan Pengetahuan dan Kemahiran Peserta

Dapatan kajian yang ketujuh menunjukkan bahawa antara empat kursus BM, Kursus Komunikasi Berkesan yang paling dapat menambahkan pengetahuan dan meningkatkan kemahiran peserta kursus. Ini diikuti dengan Kursus Pengucapan Awam dan Kursus Pengurusan Mesyuarat Berkualiti. Kursus Penulisan Surat Rasmi dan Memo pula merupakan kursus yang paling kurang dapat menambahkan pengetahuan dan meningkatkan kemahiran peserta kursus. Kedudukan tersebut sebenarnya mempunyai hubung kait yang rapat dengan tahap peningkatan pengetahuan dan kemahiran peserta seperti yang dibincangkan sebelum ini.

Secara perbandingan, bagi setiap aspek yang dinilai, skor pengetahuan dan kemahiran peserta sebelum mengikuti Kursus Komunikasi Berkesan dan Kursus Pengucapan Awam adalah kurang daripada empat (Rajah 5 dan Rajah 8). Ini bermaksud sebelum mengikuti kursus-kursus tersebut, peserta menguasai kurang daripada 66.67% ($[4 \times 100] \div 6$) pengetahuan dan kemahiran kursus tersebut. Manakala, skor pengetahuan dan kemahiran peserta sebelum mengikuti Kursus Pengurusan Mesyuarat Berkualiti dan Kursus Penulisan Surat Rasmi dan Memo kebanyakannya adalah lebih daripada empat (Rajah 6 dan Rajah 7). Ini bererti sebelum mengikuti kursus-kursus tersebut, peserta telah menguasai lebih daripada 66.67% ($[4 \times 100] \div 6$) pengetahuan dan kemahiran kedua-dua kursus tersebut.

Dengan kata lain, sebelum mengikuti kursus, peserta Kursus Pengurusan Mesyuarat Berkualiti dan Kursus Penulisan Surat Rasmi dan Memo telah menguasai lebih banyak pengetahuan dan kemahiran tentang kursus-kursus tersebut berbanding dengan peserta Kursus Komunikasi Berkesan dan Kursus Pengucapan Awam menguasai pengetahuan dan kemahiran tentang kursus berkenaan. Ertinya, pengetahuan dan kemahiran baharu yang boleh dibawa oleh Kursus Pengurusan

Mesyuarat Berkualiti dan Kursus Penulisan Surat Rasmi dan Memo kepada peserta adalah lebih rendah daripada Kursus Komunikasi Berkesan dan Kursus Pengucapan Awam. Jadi, adalah logik mengapa kedudukan peningkatan pengetahuan dan kemahiran bagi Kursus Pengurusan Mesyuarat Berkualiti dan Kursus Penulisan Surat Rasmi dan Memo lebih rendah daripada Kursus Komunikasi Berkesan dan Kursus Pengucapan Awam (Jadual 5).

Perhatian perlu diberikan kepada Kursus Penulisan Surat Rasmi dan Memo, kursus yang paling rendah dalam peningkatan pengetahuan dan kemahiran peserta. Peserta kursus tersebut telah menilai tahap kesediaan mereka sebelum mengikuti kursus dalam lingkungan 4.65 hingga 5.13 (Rajah 7). Ini bererti tahap pengetahuan dan kemahiran yang dikuasai oleh peserta sebelum mengikuti kursus ialah antara 77.50% ($[4.65 \times 100] \div 6$) hingga 85.50% ($[5.13 \times 100] \div 6$). Dengan skor kesediaan sebelum mengikuti kursus yang begitu tinggi, adalah wajar purata skor perbezaan min pengetahuan dan kemahiran peserta sebelum dan selepas mengikuti Kursus Penulisan Surat Rasmi dan Memo adalah paling rendah ($M=1.28$) berbanding dengan ketiga-tiga kursus BM yang lain (Jadual 5).

Selain daripada tahap pengetahuan dan kemahiran modul latihan kurang dapat digariskan sejajar dengan keperluan peserta, satu lagi perkara yang dapat diperhatikan ialah keperluan semasa peserta Kursus Penulisan Surat Rasmi dan Memo kemungkinan besar juga kurang dapat diberi pertimbangan sewajar berdasarkan keperluan peserta sebenar. Barangkali ini juga merupakan salah satu sebab mengapa Kursus Penulisan Surat Rasmi dan Memo merupakan kursus yang paling kurang dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran peserta.

Misalnya, antara aspek-aspek yang dinilai dalam Kursus Penulisan Surat Rasmi dan Memo, terdapat sebanyak lima aspek yang berkaitan dengan pengetahuan dan kemahiran berbahasa yang skor kesediaan peserta sebelum mengikuti kursus adalah melebihi lima. Ini termasuk aspek 'kata sapaan' ($\underline{M}=5.13$), 'kata ganti diri' ($\underline{M}=5.13$), 'bahasa tubuh' ($\underline{M}=5.11$), 'gelaran' ($\underline{M}=5.06$) dan 'rujukan hormat' ($\underline{M}=5.03$) (Rajah 7).

Manakala, terdapat aspek-aspek yang berkaitan tentang pengetahuan dasar-dasar bahasa KPM dan aspek teknikal dalam penyediaan dokumen formal yang skor kesediaan peserta sebelum mengikuti kursus tersebut adalah kurang daripada lima. Misalnya aspek 'sejarah perkembangan bahasa Melayu' ($\underline{M}=4.65$), 'dasar bahasa

dan aplikasinya dalam pentadbiran awam' ($\underline{M}=4.81$), 'kedudukan bahasa Melayu dalam pentadbiran' ($\underline{M}=4.84$), 'format penulisan memo' ($\underline{M}=4.84$) dan 'kesilapan umum ejaan dan tanda baca' ($\underline{M}=4.87$).

Secara perbandingan, konotasi analisis tersebut ialah peserta Kursus Penulisan Surat Rasmi dan Memo lebih menguasai pengetahuan dan kemahiran berbahasa daripada pengetahuan tentang dasar-dasar bahasa KPM dan aspek teknikal dalam penyediaan dokumen formal sebelum mereka mengikuti kursus itu. Fenomena tersebut sebenarnya juga dapat diperhatikan pada kursus-kursus BM yang lain. Sebagai contoh, peserta Kursus Pengurusan Mesyuarat Berkualiti mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang tinggi dalam aspek 'gaya bahasa dan penggunaan kata atau ayat minit mesyuarat' ($\underline{M}=4.3$) dan 'penggunaan bahasa dalam penulisan minit mesyuarat' ($\underline{M}=4.27$) sebelum mereka mengikuti kursus itu. Tetapi mereka mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang lebih rendah dalam aspek 'prinsip penulisan minit mesyuarat' ($\underline{M}=3.97$) dan 'format penulisan minit mesyuarat' ($\underline{M}=4.12$) (Rajah 6) sebelum mereka mengikuti kursus tersebut.

Peserta Kursus Pengucapan Awam pula mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang tinggi dalam aspek 'retorik bahasa' ($\underline{M}=3.96$) dan bahasa badah ($\underline{M}=3.92$) (Rajah 8) sebelum mereka mengikuti kursus berkenaan. Namun, mereka mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang lebih rendah dalam aspek 'komponen pengucapan awam' ($\underline{M}=3.43$), 'dasar bahasa dan aplikasinya dalam pentadbiran awam' ($\underline{M}=3.55$), dan 'penulisan teks ucapan dan penyampaian ucapan' ($\underline{M}=3.71$) (Rajah 8) sebelum mereka mengikuti kursus itu.

Peserta kursus mempunyai pengetahuan dan kemahiran berbahasa yang tinggi kerana rata-rata semua pemimpin pendidikan yang datang berkursus telah menguasai BM sejak di bangku sekolah lagi. Tambahan pula, penguasaan BM merupakan prasyarat untuk melayakkan mereka sebagai penjawat awam. Peserta kursus kurang mempunyai pengetahuan tentang dasar-dasar bahasa KPM dan aspek teknikal dalam penyediaan dokumen formal kerana kurang pendedahan semasa di bangku sekolah. Namun, aspek tersebut sebenarnya yang merupakan pengetahuan dan kemahiran yang dapat membantu peserta kursus dalam menjalankan tugas harian mereka secara berkesan dalam jawatan yang dipegang semasa.

Jadi, sepatutnya tumpuan latihan bahasa IAB perlu berfokus kepada aspek pengetahuan tentang dasar-dasar bahasa KPM dan aspek teknikal dalam penyediaan dokumen formal kerana peserta kursus kurang mahir dalam bidang tersebut. Walau bagaimanapun, realitinya ialah aspek pengetahuan dan kemahiran berbahasa telah diberikan tumpuan yang tidak kurang keberatannya. Usaha seperti ini tidak dapat memaksimumkan hasil pembelajaran kerana kandungan aspek-aspek kursus sedemikian tidak dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran peserta. Misalnya, peserta kursus yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang tinggi dalam kebahasaan tentu menganggap kursus berkenaan tidak bersesuaian untuk mereka. Ini disebabkan kursus itu tidak dapat membawa pengetahuan dan kemahiran baharu atau nilai tambah kepada mereka walaupun mereka mengikuti kursus itu.

Masalah tersebut sebenarnya merupakan salah satu sebab penting mengapa Kursus Penulisan Surat Rasmi dan Memo menduduki tempat yang terendah dalam peningkatan pengetahuan dan kemahiran peserta kursus (Jadual 5). Berbanding dengan Kursus Komunikasi Berkesan, misalnya, kursus yang paling dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran peserta, tumpuan utamanya tidak termasuk sebarang pengetahuan dan kemahiran berbahasa tetapi hanya aspek teknikal dalam bidang komunikasi yang dapat membantu peserta dalam menjalankan tugas harian secara berkesan (Rajah 5).

Keadaan tersebut jelas menunjukkan bahawa pensyarah bahasa IAB kurang dapat menentukan keperluan peserta semasa. Pada hakikatnya ini merupakan aspek ketiga dalam dimensi *Kepelbagaian Kaedah* iaitu 'mengadakan intervensi berdasarkan keperluan PdP yang berbeza' (JBK, 2013). Ertinya, pensyarah bahasa perlu mahir dalam pemilihan strategi dan bahan yang relevan dengan keperluan semasa peserta yang berlainan. Jadi, tidak dapat dinafikan bahawa kurang dapat menentukan jenis keperluan peserta yang sebenar juga merupakan sebab yang menyumbang kepada dapatan kajian ketiga iaitu pensyarah bahasa IAB mencapai skor min yang paling rendah dalam dimensi *Kepelbagaian Kaedah*.

Keperluan peserta sebenar juga merupakan satu aspek penting yang perlu diberi pertimbangan yang sewajar semasa menggubal sesebuah modul latihan. Sekiranya jenis keperluan semasa peserta dapat disasarkan secara tepat dan aktiviti intervensi berdasarkan pemilihan bahan yang relevan dengan keperluan semasa peserta, tentu dapat melibatkan semua peserta secara aktif dalam pembelajaran.

Seperti yang dinyatakan oleh Gordon (1994), intervensi seperti ini dapat memaksimumkan hasil pembelajaran kerana dapat membantu peserta melonjak dari tahap pengetahuan dan kemahiran semasa ke tahap pengetahuan dan kemahiran yang ingin dihasilkan.

11.8 Kursus BI dan Peningkatan Pengetahuan dan Kemahiran Peserta

Dapatan kajian yang kelapan menunjukkan antara tiga kursus BI, Kursus *Management of English in School* yang paling dapat menambahkan pengetahuan dan meningkatkan kemahiran peserta kursus. Ini diikuti dengan *Kursus Professional Reading and Writing* manakala Kursus *Effective Communication* merupakan kursus yang paling kurang dapat menambahkan pengetahuan dan meningkatkan kemahiran peserta kursus. Seperti yang dibincangkan sebelum ini, kedudukan tersebut sebenarnya mempunyai hubungan rapat dengan tahap peningkatan pengetahuan dan kemahiran peserta.

Secara perbandingan, bagi setiap aspek yang dinilai, skor kesediaan peserta sebelum mengikuti Kursus *Management of English in School* dan *Kursus Professional Reading and Writing* adalah kurang daripada empat (Rajah 11 dan Rajah 12). Ini bermaksud sebelum mengikuti kursus-kursus tersebut, peserta menguasai kurang daripada 66.67% ($[4 \times 100] \div 6$) pengetahuan dan kemahiran kursus tersebut. Manakala, skor kesediaan peserta sebelum mengikuti Kursus *Effective Communication* adalah melebihi empat (Rajah 10). Ini bererti sebelum mengikuti kursus tersebut, peserta telah menguasai lebih daripada 66.67% ($[4 \times 100] \div 6$) pengetahuan dan kemahiran kursus tersebut.

Dengan kata lain, sebelum mengikuti kursus, peserta Kursus *Effective Communication* telah menguasai lebih banyak pengetahuan dan kemahiran tentang kursus tersebut berbanding dengan peserta Kursus *Management of English in School* dan Kursus *Professional Reading and Writing* tentang kursus berkenaan. Ertinya, pengetahuan dan kemahiran baharu yang dibawa oleh Kursus *Effective Communication* kepada peserta adalah lebih rendah daripada Kursus *Management of English in School* dan Kursus *Professional Reading and Writing*. Jadi, adalah tidak hairan mengapa kedudukan peningkatan pengetahuan dan kemahiran bagi Kursus

Effective Communication lebih rendah daripada Kursus *Management of English in School* dan Kursus *Professional Reading and Writing* (Jadual 7).

Satu sebab lagi yang dapat diperhatikan tentang mengapa Kursus *Effective Communication* merupakan kursus yang paling kurang dapat menambahkan pengetahuan dan meningkatkan kemahiran peserta kursus ialah kandungan kursusnya yang terlalu padat. Secara perbandingan, kandungan kursus-kursus lain hanya fokus kepada satu bidang sahaja. Tetapi, kandungan Kursus *Effective Communication* merangkumi banyak aspek. Sebagai contoh, kursus BM iaitu Kursus Komunikasi Berkesan khususnya fokus kepada aspek komunikasi sahaja (Rajah 5). Namun, Kursus *Effective Communication* yang mempunyai nama yang sama tetapi dikendalikan dengan menggunakan bahasa Inggeris merangkumi aspek pengurusan mesyuarat berkualiti, kemahiran lisan, kemahiran penulisan surat dan e-mel, kemahiran persembahan umum dan pembentangan dalam *Public Speaking* (Rajah 10).

Situasi tersebut menjadikan terlalu banyak input perlu disampaikan kepada peserta dalam masa yang singkat. Keadaan ini menyebabkan peserta tidak dapat memberi tumpuan yang secukupnya terhadap semua aspek modul latihan itu. Ini juga mengakibatkan peserta tidak dapat menguasai dan mendalami kandungan kursus dalam masa yang singkat dan dalam keadaan yang selesa. Jelasnya, kandungan modul latihan yang terlalu padat boleh menimbulkan masalah kepada peserta kursus dalam mempertingkatkan keberkesanan latihan. Jadi, adalah wajar mengapa Kursus *Effective Communication* merupakan kursus yang paling kurang dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran peserta kursus berbanding dengan dua kursus BI yang lain (Jadual 7).

Keadaan tersebut jelas menunjukkan bahawa pensyarah bahasa IAB kurang dapat menentukan kepadatan kandungan modul latihan berdasarkan keupayaan dan keperluan peserta yang sebenar. Pada hal kemampuan menjalankan sesi latihan berasaskan keupayaan dan keperluan peserta merupakan dua aspek penting dalam dimensi *Kepelbagaian Kaedah* iaitu 'menjalankan aktiviti berdasarkan keupayaan peserta yang berbeza' dan 'mengadakan intervensi berdasarkan keperluan PdP yang berbeza' (JBK, 2013). Jadi, tidak dapat dinafikan bahawa kurang dapat menentukan kepadatan kandungan modul latihan juga merupakan salah satu sebab yang menyumbang kepada dapatan kajian ketiga iaitu pensyarah bahasa IAB mencapai skor min yang paling rendah dalam dimensi *Kepelbagaian Kaedah*.

Kepadatan kandungan modul latihan merupakan satu aspek asas yang perlu diberi pertimbangan yang sewajar semasa menggubal sesebuah modul latihan. Sekiranya kepadatan kandungan modul latihan dapat ditetapkan secara berpatutan dan aktiviti intervensi selaras dengan keupayaan dan keperluan semasa peserta, sesi latihan sedemikian dapat merangsang pembelajaran dan mempertingkatkan keberkesanan latihan. Ini disebabkan peserta kursus dapat menyesuaikan pengetahuan dan kemahiran yang diterima dengan pengetahuan dan kemahiran yang sedia ada untuk menjana pengetahuan dan kemahiran baharu dalam tempoh masa yang cukup dan dalam keadaan yang selesa.

Berdasarkan perbincangan dari Bahagian 11.1 hingga 11.8, boleh dirumuskan bahawa walaupun pensyarah BM dan BI IAB adalah kompeten dalam keenam-enam dimensi Model Kompetensi Pensyarah Bahasa IAB dan dapat menambahkan pengetahuan dan meningkatkan kemahiran peserta kursus, masih terdapat ruang penambahbaikan untuk meningkatkan prestasinya ke tahap yang lebih cemerlang. Khususnya, dalam membangun modul latihan tentang bagaimana a) menetapkan tahap pengetahuan dan kemahiran modul latihan kursus sejajar dengan keperluan peserta; b) menentukan keperluan peserta semasa; dan c) mengelakkan kandungan modul latihan yang terlalu padat.

Terdapat ruang penambahbaikan untuk pensyarah bahasa IAB meningkatkan kompetensi mereka dalam tiga aspek tersebut disebabkan walaupun mereka pernah menjadi guru dan mempunyai pengalaman dalam PdP bahasa, namun mereka tiada pengalaman yang banyak dalam mereka bentuk modul latihan. Sungguhpun semasa di sekolah, mereka juga perlu menyesuaikan PdP mereka dengan tahap kesediaan murid yang sebenar, tetapi sukatan pelajaran yang digunakan di sekolah telah ditetapkan oleh Bahagian Kurikulum KPM. Justeru, mereka biasanya tidak banyak menghadapi masalah dalam membuat penyesuaian berkenaan dalam memenuhi keperluan murid di sekolah.

Sehubungan ini, adalah penting dan perlu pensyarah bahasa IAB membuat penambahbaikan dalam ketiga-tiga aspek tersebut. Sekiranya pensyarah bahasa IAB dapat menguasai lagi kepakaran tersebut, mereka tentu dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran peserta yang berada pada tahap 'Agak Tinggi' ke tahap 'Tinggi' ataupun 'Sangat Tinggi'. Ini sebenarnya merupakan usaha yang perlu

dilaksanakan sekiranya pensyarah IAB ingin menjamin kecemerlangan berterusan dalam sesi latihan yang dikendalikan.

12.0 IMPLIKASI KAJIAN

Analisis dapatan kajian jelas menunjukkan masih terdapat ruang penambahbaikan bagi pensyarah bahasa IAB dalam membangun modul latihan yang sejajar dengan keupayaan dan keperluan peserta yang sebenar. Justeru, untuk tujuan penambahbaikan, JBK IAB perlu mengkaji semula kandungan ketujuh-tujuh kursus tersebut berdasarkan tiga perkara penting iaitu kerelevanan kandungan modul latihan dengan tahap keperluan dan keperluan semasa peserta serta kepadatan kandungan modul latihan yang bersesuaian. Usaha tersebut perlu dilihat dan dikaji khususnya dari sudut bahawa sesi latihan bahasa itu perlu membawa nilai tambah kepada peserta kursus iaitu dapat membantu mereka menjalankan tugas harian secara berkesan.

